

## STATISTIK KERATAN AKHBAR MEI 2022

| BIL | TAJUK PERKARA   | SUMBER/MUKA SURAT    | TARIKH    | BAHAGIAN/FAIL |
|-----|---|----------------------|-----------|---------------|
| 1   | UITM IKRAR PERANGI RASUAH                                     | UTUSAN MALAYSIA MS33 | 09-May-22 | KPT           |
| 2   | PERKASA UNIVERSITI SEBAGAI AGEN PERUBAHAN MASYARAKAT SETEMPAT | BERITA HARIAN MS13   | 10-May-22 | KPT           |
| 3   | PROJEK AGROVOLYTAIC UPM CIPTA REKOD                           | BERITA HARIAN MS20   | 11-May-22 | KPT           |
| 4   | PELAJAR PASANG CAPAIAN INTERNET SEKOLAH LUAR BANDAR           | UTUSAN MALAYSIA MS28 | 11-May-22 | KPT           |
| 5   | MAHASISWA PERSIAPKAN DIRI DENGAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI          | SINAR HARIAN MS 27   | 16-May-22 | KPT           |
| 6   | AGAMA DAN INSTITUSI BERAJA                                    | SINAR HARIAN MS 18   | 21-May-22 | RENCANA       |
| 7   | KHAZANAH BERHARGA IMAM NAWAWI                                 | SINAR HARIAN MS 22   | 20-May-22 | AGAMA         |
| 8   | BANGGA DALAM LINANGAN AIR MATA                                | UTUSAN MALAYSIA MS10 | 23-May-22 | POLITEKNIK    |
| 9   | SEMBILAN TAHUN LENGKAPKAN PENGAJIAN PhD                       | UTUSAN MALAYSIA MS32 | 23-May-22 | KPT           |
| 10  | KONGSI PELUANG KE IPTS  | BERITA HARIAN MS30   | 23-May-22 | KPT           |
| 11  | JAKIM PERTAHAN PEMATUHAN HALAL                                | UTUSAN MALAYSIA MS9  | 23-May-22 | AGAMA         |
| 12  | ResQ TEAM UPSI BANTU MANGSA BANJIR                            | BERITA HARIAN MS30   | 23-May-22 | KPT           |
| 13  | SASAR 40 USAHAWAN SERTAI DAKWAH BUDAYAKAN AL-QURAN            | SINAR MS34           | 23-May-22 | AGAMA         |
| 14  | HALAL : PROSES KETAT, BERINTEGRITI                            | UTUSAN MALAYSIA MS15 | 23-May-22 | AGAMA         |
| 15  | KES MACAU SCAM MAKIN BERLELUASA                               | SINAR MS14           | 23-May-22 | SEMASA        |

TAJUK: UITM IKRAR PERANGI RASUAH

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 33

TARIKH : 09/05/2022

## UiTM ikrar perangi rasuah

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) menyahut seruan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Sesi lafaz ikrar di kampus induk di Shah Alam itu diketuai Pengurusi Lembaga Pengarah UiTM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Ibrahim Abu Shah bersama 26 warga Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi universiti berkenaan.

Ikrar itu disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPM, Datuk Seri Norazlan Mohd Razali.

Menurut Norazlan, majlis julung kali diadakan itu bertujuan memastikan amanah yang dijalankan penuh berintegriti dalam usaha memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPM, Datuk Razim Mohd Noor; Pengarah SPM Selangor, Datuk Alias Salim dan Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Dr. Roziah Mohd. Janor.



■ ROZIAH Mohd. Janor (kiri) dan Alias Salim (tengah) ketika melafazkan Ikrar Bebas Rasuah dalam satu majlis bersama SPM di UiTM Shah Alam, Selangor.

TAJUK: PERKASA UNIVERSITI SEBAGAI AGEN PERUBAHAN MASYARAKAT SETEMPAT

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 13

TARIKH : 10/05/2022

**MindaPembaca** 13

# Perkasa universiti sebagai agen perubahan masyarakat setempat

**Ahmad Thamrin Fadzlin Syed Mohamed, Kuala Lumpur**

**Soalannya** mudah, apakah fungsi universiti? Namun, jawapannya seperti tidak ada kata putus. Hal ini kerana fungsi universiti juga adalah untuk mengejar ranking. Makin kecil nombor, makin hebat dan gah universiti itu.

Bukanlah hal ini salah kerana kenyataannya, sistem pendidikan tinggi itu perlu kepada kualiti. Susulan itu maka wujud pelbagai kaedah bagi menentukan ciri kualiti yang diukur bagi memberi satu nilai nombor kualiti sebuah universiti, lalu terbentuklah susunan ranking seperti sekarang.

Jadi, adakah maksud universiti adalah mengejar dan cuba untuk memenuhi keperluan ciri-ciri kualiti yang digariskan itu? Perlu diperjelas, saya tidak mahu tersangkut dan tersekat mendefinisikan universiti sebagai sebuah entiti keilmuan melahirkan pekerja.

Komentar ini diberi berdasarkan kepada pengalaman saya berkhidmat selama 16 tahun di sebuah menara gading di negara ini. Pasti tempoh ini masih terlalu hijau jika hendak dibanding dengan barisan ilmuwan lain yang sudah berpuluhan-puluhan tahun berkhidmat.

Namun, buluh hijau ini pernah dan sedang melalui detik waktu di mana nafas agak sesak menuhi permintaan sasaran kerja tahunan yang menuntut kehebatan dari pelbagai aspek bertaraf dunia bagi membantu universiti untuk memenuhi ciri kualiti seperti ditetapkan.

Saya lebih suka berbincang berkenaan fungsi dan matlamat sebuah universiti dari sudut yang tidak popular dan sedikit sebanyak menongkah arus hala tuju pimpinan negara. Oleh itu, saya

“Sebuah universiti di Malaysia akan kekal kaku jika tiada daya yang mendorong mereka ke hadapan”

lebih suka melihat perbincangan ini berdasarkan sudut pandang Mike Hamlyn dari Staffordshire University yang menyatakan bahawa sebuah universiti adalah entiti untuk mengubah manusia melalui pendidikan dan penyelidikan yang dibuat.

Universiti melahirkan graduan setiap tahun, dan sudah pasti segulung kertas dalam genggaman itu akan dapat merubah sosioekonomi pelajar.

Selain itu, menerusi proses peningkatan prestasi sudah pasti menjurus kepada aktiviti penyelidikan yang mempunyai impak besar kepada pengkaji dan subjek kajian juga pastinya penyelidik. Sudah pastinya, bagi memenuhi cita rasa kualiti pada peringkat antarabangsa, kajian yang dijalankan mesti berdasarkan resipi mereka.

Dalam hal ini, mengapa kita tidak mengangkat cita rasa tempatan? Ideanya mudah, ‘kita jaga kita’ atau ‘kita buat untuk kita bukan orang lain’. Saya selalu menjengah ke laman web alma mater, Universiti Durham yang terletak di bandar kecil timur London. Keunikannya, ia mementingkan kesejahteraan setempat. Mereka secara jelas mempromosi aktiviti masyarakat setempat, termasuk perusahaan dan aktiviti ekonomi komuniti.

Selain memberi perhatian kepada tempat tarikan pelancongan, universiti ini juga aktif mempromosi diri mereka sebagai agen perubahan atau *game changer* dalam isu berkaitan perkauman, diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak, serta pelbagai lagi isu semasa yang menghantui masyarakat setempat.

Universiti boleh berperanan aktif misalnya membabitkan diri dengan masyarakat setempat atau sekolah berdekatan. Malah, universiti juga perlu harus bersifat lebih terbuka untuk memerangi keciran dalam masyarakat setempat, selain membantu meningkatkan pemahaman mengenai kesihatan, masalah sosial,jenayah tempatan, penjagaan warga tua dan pelbagai lagi. Menerusi peranan sebegini universiti akan lebih dekat di hati penduduk tempatan, selain turut menjadi agen ikon perubahan.

Sebuah universiti di Malaysia akan kekal kaku jika tiada daya yang mendorong mereka ke hadapan. Pensyarah pada zaman ini komited kepada azimat ‘P’ iaitu pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan, perundingan, penerbitan/penulisan, pengurusan, perkhidmatan kemasyarakatan, pembangunan pelajar, penyelaras makmal, penyelaras mata pelajaran dan penasihat akademik.

Semua itu adalah ‘resipi’ yang ditetapkan oleh badan kualiti yang memberi penarafan kualiti dunia. Saya tertanya jika ia datang daripada keperluan sebenar masyarakat setempat, bagaimana pula kesannya. Saya percaya, dengan tumpuan yang diberikan sudah pasti mampu membawa perubahan ke dalam masyarakat dengan keadaan lebih makmur, aman, tenteram, cekap dan berkesan.

TAJUK: PROJEK AGROVOLTAIC UPM CIPTA REKOD

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 13

TARIKH : 10/05/2022



Mohammad Effndy (kiri) bersama Dr Mohd Roslan (tengah) dan Ketua Setiausaha (sektor tenaga) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) Mohamad Razif Abdul Mubin melawat tanaman herba Projek Agrivoltaic di Ladang Solar UPM.

(Foto Amirudin Sahib/BH)

# Projek Agrivoltaic UPM cipta rekod

The Malaysia Book of Records iktiraf tanaman herba terbesar

Oleh Awatif Hasani  
bhnews@bh.com.my

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melakar rekod baharu dalam The Malaysia Book of Records (MBR) menerusi sistem agrivoltaic herba terbesar untuk mekanisme penyejukan semula jadi.

Pengarah Projek Agrivoltaic, Dr Mohammad Effendy Ya'acob, berkata projek Agrivoltaic UPM menempatkan 25,000 unit herba berpotensi tinggi Misai Kucing yang ditanam secara terus bawah 1ha hektar bersaiz panel solar PV.

Teknologi Solar Photovoltaic

(PV) adalah teknologi paling pesat berkembang di dunia di bawah skop tenaga boleh diperbaharui.

Beliau berkata, projek Agrivoltaic membantu industri tenaga solar untuk penyelenggaraan dan membantu menyediakan tanah pertanian.

"Malaysia mengalami isu tanah, di mana banyak tanah ditukar taraf daripada tanah pertanian kepada tanah pembangunan dan jika dapat utiliti di ladang solar, ia akan membantu mengurangkan isu penggunaan tanah pembangunan yang banyak."

"Projek Agrivoltaic UPM bukanlah yang pertama di dunia tetapi ia terbesar di dunia yang boleh membantu industri solar dan industri pertanian," katanya pada Majlis Penyampaian Sijil MBR Agrivoltaic UPM.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman mengucapkan syabas kepada Dr Mohammad Effendy selaku Pengarah Projek serta pihak pengurusan Fakulti

Kejuruteraan UPM kerana memberikan komitmen yang amat baik dalam merealisasikan projek itu.

Katanya, penyelidikan itu memfokuskan kepada mengoptimalkan penggunaan ruang dan membantu menyeluk panel bagi meningkatkan keberkesanan janaan tenaga ke grid Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Projek ini bakal memperkenalkan satu-satunya integrasi pertanian strategik dalam projek solar PV berskala besar. Ia selari dengan hala tuju kampus Hijau UPM dan memperkuuhkan ranking UI Green Metriks dalam kalangan universiti di seluruh dunia."

"Saya sarankan kepada penyelidik bukan hanya tumpukan pada tanaman herba Misai Kucing, malah turut menumpukan tanaman herba lain pada masa akan datang," katanya

MBR ialah sebuah badan yang mengiktiraf pencipta, pemegang dan pemecah rekod di dalam negara.

BERITA HARIAN

11 MEI 2022 RABU MUKA SURAT 20

TAJUK: PELAJAR PASANG CAPAIAN INTERNET SEKOLAH LUAR BANDAR

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 28

TARIKH : 11/05/2022

## Pelajar pasang capaian internet sekolah luar bandar

SEKUMPULAN pelajar dan pensyarah dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalankan projek khidmat komuniti dengan melaksanakan kerja pemasangan penghala tanpa wayar berserta antena luaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Dang Anum, Merlimau Melaka, baru-baru ini.

Berteraskan sifat cakna dan prihatin mengaplikasikan ilmu dan kemahiran bagi tujuan memastikan anak bangsa di desa turut nikmati capaian internet bagi tujuan pembelajaran.

Projek khidmat komuniti itu diketuai Prof. Madya Dr. Imran Mohd. Ibrahim dan dibantu pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) UTeM.

Imran berkata,

penggunaan penghala wayarles ini merupakan pilihan yang terbaik kerana lebih menjimatkan perbelanjaan kepada pihak sekolah memandangkan mereka boleh menggunakan kad sim mana-mana syarikat telekomunikasi beserta pakej data yang dirasakan sesuai dengan keperluan pembelajaran.

"Peralatan ini juga mudah dialihkan ke tempat lain sekiranya pihak sekolah merasakan ada keperluan untuk memindahkan lokasi kelas berdasarkan kesesuaian dan penggunaan dari semasa ke semasa.

"Ia menjadi projek serampang dua mata kerana mereka bukan sahaja mencurahkan khidmat komuniti sebaliknya turut menjadi platform pendedahan awal kepada pelajar Sarjana Muda

Kejuruteraan Elektronik berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) wayarles yang semakin tinggi keperluannya pada masa kini," katanya.

Program susulan bersama pihak sekolah sedang dirancang seperti peluang kerjaya dalam bidang kejuruteraan termaju serta program inovasi teknologi bagi memupuk minat pelajar-pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

Program itu turut disertai Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Dang Anum, Norhafiz Haron.

Ada dua kawasan strategik terpilih untuk pemasangan penghala wayarles ini iaitu kelas pembelajaran pelajar kelainan upaya dan kelas mentelaah pelajar di asrama yang mana pihak sekolah menilainya sebagai keperluan yang mendesak.



SEBAHAGIAN daripada pelajar FKEKK UTeM mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang ada membuat kerja pemasangan penghala wayarles berserta antena luaran.

## TAJUK: MAHASISWA PERSIAPKAN DIRI DENGAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 17

TARIKH : 20/05/2022

SINAR HARIAN • ISNIN 16 MEI 2022

IPT

Oleh RASYIDAH ZULKIFLI

Sinar  
BESTARI

27

# Mahasiswa persiapkan diri dengan kemahiran teknologi

**Kaedah pengajaran secara konvensional tetap tidak diabaikan**

**P**rofesional perguruan hari ini dilihat semakin mencabar seiring dengan peredaran zaman tetapi dalam masa yang sama, masih ramai pelajar memilih jurusan pendidikan sebagai program pilihan untuk menyambung pengajian di peringkat universiti kerana minat yang mendalam terhadap kerjaya berkenaan.

Bagi mahasiswa yang memilih jurusan ini, pastinya mereka sudah sedia maklum dengan pelbagai isu dan cabaran yang menanti sekali gus berusaha melakukan persiapan untuk memasuki alam kerjaya kelak.

Perkara tersebut turut dirasai mahasiswa Institut Pendidikan Guru (IPG) Pahang, Faten Husna Nadirah Ahmad Ramli, 21.

Biarpun baru berada di Semester Empat dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Faten Husna sudah melakukan persediaan awal sebelum dilantik menjadi guru.

"Di era digital ini saya telah mempersiapkan diri dengan penggunaan WhatsApp dan Telegram.

"Sekarang kita dapat tengok ramai guru menggunakan aplikasi tersebut untuk berhubung dengan ibu bapa murid dan berkongsi bahan pengajaran bersama. Perkara ini sangat membantu saya di era zaman berteknologi hari ini."

"Selain WhatsApp dan Telegram, saya juga sudah teroka aplikasi dalam talian yang lain seperti Quizzes, Kahoot, Padlet dan Wordwall,"



FATEN HUSNA



NUR FARHANA



ujarnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Tambah Faten Husna, aplikasi tersebut bukan sahaja dapat menarik perhatian murid-murid terhadap teknologi tetapi juga guru-guru turut teruja untuk menerokainya.

Sementara itu, bagi Nur Farhana A. Razak, 21, yang juga penuntut IPG Pahang, Semester Empat bagi pengajian TESL turut melakukan langkah yang sama.

"Sebagai persediaan awal, saya mula meneroka sendiri bahan-bahan pengajaran yang berada di internet.

"Dengan cara ini saya dapat mengetahui alat bantu mengajar yang sesuai untuk murid-murid pintar, sederhana dan lemah," katanya lanjut.

Nur Farhana turut menjelaskan, pembelajaran di era digital mampu membantu para guru untuk memastikan murid dapat memahami sesuatu pembelajaran itu sendiri.

## Generasi celik IT

Dalam pada itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, Semester Tujuh, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Muhammad Lutfi Lukman Fikri, 25, juga menumpukan persediaan digital sebelum menjadi guru kelak.

"Saya manfaatkan segala bahan yang ada untuk menjadi seorang yang kreatif dan celik teknologi maklumat (IT).

"Sepertimana kita tahu generasi sekarang lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam penggunaan IT berbanding zaman saya.

"Begitupun persediaan untuk mengajar secara bersemuka tidak pernah diabaikan dan guru perlu selangkah lebih ke depan berbanding pelajar," sambungnya.

Mengulas lanjut, baginya kaedah pembelajaran secara konvensional masih penting walaupun sistem pendidikan sudah semakin maju.

"Bagi saya walaupun hari ini zaman digital



Saya manfaatkan segala bahan yang ada untuk menjadi seorang yang kreatif dan celik teknologi maklumat (IT). Sepertimana kita tahu generasi sekarang lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam penggunaan IT berbanding zaman saya." - **Muhammad Lutfi**

dan teknologi, bila ada ilmu kita kena amalkan.

"Contoh situasi dalam bidang saya yang kalau dipraktikkan secara digital ia kurang berkesan berbanding jika dilaksanakan secara bersemuka.

"Ini kerana digital memerlukan penggunaan internet, jadi perlu dituruti dengan cara konvensional supaya pembelajaran lebih sempurna," ujarnya.

Persediaan yang sama turut dilakukan penuntut Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Multimedia), Semester Lapan, UPSI, Muhammad Ammar Lajis, 24.

Menurutnya, mengikuti perkembangan semasa di era digital adalah suatu kepentingan pada masa kini.

Tambahan lagi, pengkhususan yang diambil Muhammad Ammar sememangnya terikat dengan teknologi dalam sistem pendidikan negara.

"Bidang pendidikan multimedia menjadi pilihan kerana minat dan ketika di sekolah

menengah saya merupakan pelajar aliran seni.

"Jadi hendak kembangkan bakat, saya memilih pengkhususan yang berkaitan kesenian digital seperti multimedia," tuturnya.

Minatnya tersebut secara tidak langsung mendorongnya untuk terus cakna dengan perubahan semasa berkaitan hal pendidikan.

Beritahu lagi, dia mengikuti perkembangan media sosial seperti Facebook dan TikTok sebagai persiapan pembelajaran ke arah digital.

Di samping itu, dia turut mengambil input positif melalui media sosial untuk diselidik pada sesi PdP secara bersemuka dalam kelas.

Kesimpulannya, aspek pendigitalan dalam pendidikan merupakan persediaan penting yang perlu dilakukan mahasiswa perguruan hari ini.

Bagaimanapun, kaedah pengajaran secara konvensional masih perlu diutamakan kerana sekolah bersemuka telah berlangsung sepenuhnya tatkala negara beralih ke fasa endemik.

TAJUK: AGAMA DAN INSTITUSI BERAJA

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 18

TARIKH : 21/05/2022

# Agama dan institusi beraja



NUKILAN  
MINDA

MUJIBU ABD MUIS

W acana tentang institusi beraja lazimnya terkait dengan unsur agama. Sejak awal kewujudan institusi beraja, agama dilihat bukan sahaja menjadi sumber keabsahan institusi tersebut, malah turut membentuk satu doktrin politik-agama dalam pengukuhan kuasa dan pemerintahan.

Penggabungan unsur agama dan institusi beraja membentuk adunan identiti dan sejarah yang secara perlahan mencorak kewibawaan. Ia kemudian diperkuuhkan dengan unsur-unsur ritual, simbolisme dan mistik yang meningkatkan hubungan ‘romantis’ antara raja dan rakyat.

Dianggap sebagai sistem pemerintahan tertua di dunia, sejarah menyaksikan bagaimana agama dan institusi beraja berangkai dalam aspek itu.

Lihat bagaimana konsep kuasa raja yang dikaitkan dengan hak ketuhanan (*divine right*) bukan sahaja memberikan kuasa mutlak kepada raja, malah menuntut ketataan sepenuhnya yang dikekalkan menerusi hak memerintah dengan hak yang diberikan Tuhan.

Namun begitu, wujud perbezaan aliran dan pengaruh agama dalam konsepsi tersebut. Misalnya, konsep hak ketuhanan tumbuh subur dalam institusi beraja di negara-negara Eropah abad pertengahan (*Middle Ages*). Kuasa mutlak dan keterpusatan pemerintahan raja dengan perkembangan Kristianisasi memperkuuhkan sistem feudal.

Untuk seketika, sistem itu berjalan seperti biasa sehingga konsep hak ketuhanan itu dicabar ketika zaman pencahayaan (*Enlightenment*), sekali gus menukar pemerintahan monarki mutlak kepada monarki terhad ataupun republik.

Ia berbeza dengan apa yang berlaku dalam konteks dinasti di China. Walaupun unsur agama memainkan peranan serupa dalam institusi beraja, ia berbeza secara falsafah.

Secara perbandingan, unsur agama dalam hal ini berbeza falsafahnya kerana ‘mandat dari syurga’ (*Tian-syurga*) yang diterima raja tidak membawa konsep memerintah secara mutlak seperti mananya konsep hak ketuhanan di Barat.

Mandat syurga hanyalah bersifat mengelakkan mandat yang bergantung kepada kebolehan dan kemampuan seorang raja serta warisnya dalam memerintah.

Lebih menarik, konsep dan falsafah tersebut turut dikaitkan dengan kitaran dinasti – pengakhiran mandat pemerintahan raja menerusi petunjuk dari syurga – bencana alam, pemberontakan atau perang saudara.

Jelas, walaupun konsep dan falsafahnya berbeza, unsur agama tetap berperanan penting dalam menentukan jatiuh bangun institusi beraja.

Mungkin kedua-dua contoh tersebut sedikit klasik dan konvensional. Jadi, percontohan agama dan institusi beraja kontemporari boleh dilihat dari perspektif negara Thailand atau Malaysia.

Dua negara ini berjaya mengelakkan institusi berajanya yang berevolusi daripada monarki mutlak kepada monarki terhad. Didapati, kelangsungan tersebut dibantu oleh elemen agama.

Agama Buddha (Thailand) dan Islam (Malaysia) menjadi tonggak kepada hal tersebut. Peranan agama bukan sahaja menjadi amalan dalam kehidupan, malah membentuk identiti dan sejarah masyarakat.

Agama dan institusi beraja berjalan seiring dalam mencorak kehidupan yang seterusnya berkembang menjadi sebuah identiti kolektif dan identifikasi kebangsaan.

Walaupun serupa seperti di negara-negara lain, apabila pengukuhannya menerusi unsur-unsur ritual, simbolisme atau mistik turut berlaku, peranan agama dalam institusi beraja di negara-negara berkenaan dilihat melangkaui daripada hal tersebut.

Terdapat tiga peranan agama yang dilihat mengukuhkan institusi beraja dan menjadikannya lebih kukuh serta dihormati melangkaui hubungan romantis

raja-rakyat semata-mata.

Pertama, peranan agama lebih membentuk tata kelakuan bersifat moral dan adab ketertiban berbanding tata kelakuan yang bersifat perundangan (*legal*).

Kedua, pendekatannya bersifat spiritual berbanding politik. Terakhir, peranan agama dalam institusi beraja lebih bersifat kesedaran (*consciousness*) dengan menjadikan raja sebagai elemen penyatu (*common link*), baik secara undang-undang ataupun moral kepada seluruh institusi bernegera dan masyarakatnya.

Ketiga-tiga aspek itu dilihat menjadikan agama lebih ampuh dalam mengukuhkan institusi beraja dan peranannya dalam negara dan masyarakat.

Ia sekali gus menjadikan peranan agama dan institusi beraja jauh melangkaui pandangan umum bahawa ia sekadar sebuah simbol yang hanya melibatkan urusan-urusan agama bersifat ritual sahaja.

Namun, apa juga peranan agama dalam mengukuhkan peranan institusi beraja sama ada secara perundangan mahupun moral, kemampuan, budi pekerti dan kasih sayang institusi beraja itulah yang sebenarnya lebih kuat serta mengukuhkan kewibawaan dan rasa hormat masyarakat terhadapnya.

\* Mujibu Abd Muis ialah Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) Universiti Teknologi MARA (UiTM)

TAJUK: KHAZANAH BERHARGA IMAM NAWAWI

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 22

TARIKH : 20/05/2022

# Khazanah berharga Imam Nawawi

Cetusan fikrah dan makrifat ulama hebat itu menjadi rujukan umat Islam sehingga kini

Oleh NURULFATIHA MUAH

**N**AMA Imam Nawawi tidak asing lagi pada umat Islam. Beliau antara ulama tersohor dalam Mazhab Syafie yang menjadi pegangan umat Islam Malaysia.

Panggilan Nawawi hanyalah jolokannya sahaja. Sebaliknya, nama penuh ulama itu ialah Abu Zakaria Mohiuddin Yahya ibn Sharaf Al-Nawawi.

Beliau dilahirkan pada bulan Muharam 631 Hijrah (1233 Masihi) di Kampung Nawa, berhampiran Damsyik, Syria. Kalimah an-Nawawi sebenarnya diambil berdasarkan kepada kampung halamannya.

Sesungguhnya, kisah kehidupan cendekiawan Islam hebat yang zuhud itu begitu menarik untuk ditelusuri. Suatu perkara yang menarik perhatian *Sinar Islam Plus* apabila diriwayatkan bahawa kehidupan Imam Nawawi tidak seperti kanak-kanak lain.

Bayangkan pada usianya masih mentah, beliau 'membenci' sebarang aktiviti yang menjauahkan dirinya daripada menghafaz al-Quran!

Demikian fakta yang dilaporkan oleh islamicfinder.org. Malah, figura masyhur itu acap kali menumpukan perhatian kepada pelajarannya.

"Sehingga pada suatu ketika, apabila kanak-kanak memaksanya bermain dengan mereka, Imam Nawawi akan menangis kerana masa yang disia-siakkannya.

"Maka tidak hairanlah beliau mampu menghafaz al-Quran pada usia yang masih muda," katanya dipetik daripada laporan laman sesawang berkenaan.

Menjadi resam ilmuannya sentiasa berasa tidak cukup dengan ilmu di dada. Begitu juga yang dirasakan oleh Imam Nawawi. Beliau hanya tinggal di Nawa sehingga umurnya mencécah 18 tahun.

Ulama masyhur itu kemudian berhijrah ke Damsyik. Di situ lah beliau menggali ilmu hadis, fiqh dan prinsip Islam daripada ramai ulama besar Islam. Antara yang pernah menjadi gurunya

ialah Ishaq ibn Ahmad al-Maghribi al-Maqdisi, Abdul Rahmaan al-Anbari dan Abdul Azeez al-Ansaari. Malah, beliau juga berkesempatan belajar Sahih Muslim daripada Abu Ishaq Ibrahim al-Waasiti.

## Keperibadian mengagumkan


Pada usia 24 tahun, Imam Nawawi mula mengajar di Mazhab Ashrafiyah. Ketinggian ilmu dan reputasinya sebagai ulama mula terserlah selepas itu. Malah, ia turut diperakui oleh para ulama dan penduduk Damsyik.

Tidak keterlaluan dikatakan, beliau mengabdikan diri dengan menguasai ilmu. Bahkan seluruh hidupnya hanya dihabiskan untuk belajar dan mengajar sahaja.

Malah, ada kisah yang menyatakan, Imam Nawawi tidak berbaring ketika tidur melainkan dengan berehat di atas bukunya sahaja.

Seperti kebanyakan ilmuwan lain, ulama yang menjadi rujukan ramai itu menguasai pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Namun begitu, beliau sangat mahir dalam ilmu fiqh dan hadis.

SEPANJANG hidupnya, Imam Nawawi mengabdikan diri dengan menggali ilmu dan mengajar.



PROFIL

**Nama penuh:** Abu Zakaria Mohiuddin Yahya ibn Sharaf an-Nawawi.  
**Gelaran:** Imam Nawawi, Imam an-Nawawi dan Sayyid Hadzhi

**at-Tabaqah.**  
**Asal:** Nawa berhampiran Damsyik, Syria.

**Tahun kelahiran:** 631 Hijrah.  
**Tahun kematian:** 24 Rejab 676 H (1277 M).

**Karya agung:** *Riyadhus-Solihin*, *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim*, *Sharh Sahih al-Bukhari* dan *Minhaj at-Talibin*

### Sumbangan:

- Menyaring pendapat-pendapat dalam Mazhab Syafie.
- Menghasilkan Sahih Muslim yang ditulis dua tahun sebelum kematiannya sangat luar biasa, hingga menjadi rujukan sampai ke hari ini.

TAJUK: BANGGA DALAM LINANGAN AIR MATA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 10

TARIKH : 23/05/2022

# Bangga dalam linangan air mata

Oleh ISKANDAR SHAH  
MOHAMED

utusannews@mediamulia.com.my

**IAH ALAM:** Seorang bapa bangga dalam linangan air mata ketika menerima diploma arwah anak perempuannya pada majlis Konvokesyen Politeknik Banting Selangor (PBS) ke-11 semalam.

Fakhruddin Kambali, 50, hadir mengambil skrol di Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PPSSAAS) di sini, bagi pihak arwah anaknya, Nur Sabrina Fakhruddin, 22, yang meninggal dunia akibat komplikasi jantung pada 27 Mac lalu.

Anak ketiga daripada enam beradik itu menerima Diploma Kejuruteraan Mekanikal daripada Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Zainab Ahmad.

Menurut Fakhruddin, dia menyedari arwah menghidap penyakit jantung sejak kecil namun tidak menyangka arwah pergi sebelum menerima diploma yang menjadi cita-cita.



FAKHRUDDIN Kambali (kanan) menerima skrol diploma arwah anaknya dari Zainab Ahmad pada majlis Konvokesyen Politeknik Banting di Shah Alam, Selangor semalam.

tanya.

"Arwah seorang yang rajin, lemah lembut dan mempunyai

semangat tinggi untuk melanjutkan pelajaran.

"Biarpun sedih, kami seke-

luarga berbangga dengan kejayaan arwah dan ternyata Allah lebih menyayangi arwah,"

UTUSAN MALAYSIA M/S 10 23/MEI 2022 (SN)

katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Seramai 365 graduan menerima diploma bagi sesi Disember 2020 iaitu 120 orang dalam Penyenggaraan Pesawat, Kejuruteraan Mekanikal (182) dan Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (63).

Kata Fakhruddin, Nur Sabrina juga seorang yang amat disenangi rakan dan pensyarahnya selain aktif dalam aktiviti anjuran PBS.

Sementara itu, Zainab berkata, statistik kebolehpasaran graduan PBS tahun lalu mencapai peningkatan kepada 95.9 peratus berbanding 94.4 pada tahun sebelumnya.

"Selain itu, PBS antara institusi pendidikan tinggi yang mencapai skor 100 peratus dalam pencapaian Indeks Petunjuk Prestasi (KPI).

"Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa mengorak langkah proaktif terutama mengembangkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)," ujarnya.

TAJUK: SEMBILAN TAHUN LENGKAPKAN PENGAJIAN PhD

SUMBER : UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 32

TARIKH : 23/05/2022

## Sembilan tahun lengkapkan pengajian PhD

**JOHOR BAHRU:** "Mujur tidak bersalin masa ambil skrol daripada Permaisuri Johor," kata Dr. Nur Liyana Sulaiman, 36, yang menerima ijazah doktor falsafah (PhD) sempena Majlis Konvokesyen ke-65 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, dekat sini, semalam.

Katanya, dia kini hanya menunggu detik untuk bersalin memandangkan kandungannya telah berusia sembilan bulan.

"Alhamdulillah saya selamat menerima skrol tetapi perasaan takut itu tetap ada kerana manalah tahu tiba-tiba semasa nak ambil skrol terasa hendak bersalin pula atas pentas.

"Sepanjang tempoh menunggu giliran untuk naik atas pentas saya tidak putus berdoa agar tidak berlaku apa-apa pada bayi dalam kandungan, sebab kalau ikut masa saya akan bersalin hujung bulan ini," katanya kepada *Utusan*



NUR Liyana Sulaiman menerima PhD sempena Majlis Konvokesyen ke-65 UTM di Skudai, Johor Bahru, Johor.  
- UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Malaysia selepas majlis konvokesyen itu.

Nur Liyana yang ditemani suaminya, Azri Amin Che Din

berkata, dia mengambil masa agak lama untuk melengkapkan pengajian PhD dalam bidang kejuruteraan perisian berikutkan masalah kesihatan selain mengalami dua kali keguguran.

"Tetapi itu tidak mematahkan semangat saya untuk terus mengejar cita-cita menjadi pensyarah, walaupun belajar sembilan tahun tetapi berbaloi," katanya.

Sementara itu, bagi pasangan suami isteri yang turut menerima PhD iaitu Dr. Muhammad Aliif Halim Ahmad 33, dan Dr. Jamilah Mahmood, 33, begitu teruja kerana menerima pada hari sama.

Mula berkenalan sebagai penuntut ketika di peringkat sarjana muda hingga PhD sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan membawa seribu kenangan kepada pasangan itu yang kini bertugas di UTM sebagai pensyarah.

TAJUK: KONGSI PELUANG KE IPTS

SUMBER BERITA HARIAN MUKA SURAT : 30

TARIKH : 23/05/2022

BERITA HARIAN MUS 30 ISNIN 23 MEI 2022

Buat julung kalinya Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia (PKIBM), Mydin Mohamed Holdings Berhad dan Iklanika Sdn Bhd menerusi pemeterai memorandum persefahaman baru-baru ini bekerjasama menjayakan Karnival Pendidikan MyUni.

Siri jelajah promosi peluang pendidikan ditawarkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kepada semua lepasan sekolah di seluruh negara itu bertujuan membantu mendapatkan maklumat mengenai hala tuju, bidang bersesuaian dan peluang ditawarkan IPTS yang mengambil bahagian.

Karnival Pendidikan MyUni 2022 memulakan siri jelajahnya sejak 14 Mei lalu di Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Sabah. Karnival seterusnya akan berlangsung di Mydin Tunjong Kota Bharu Kelantan pada 28 dan 29 Mei ini.

Karnival ini juga akan menjelajah ke seluruh negara iaitu di Negeri Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Perak dan Sarawak sehingga 19 Jun ini.

Melalui penganjuran karnival ini, PKIBM komited untuk terus memainkan peranan aktif dalam arus perdana pendidikan tinggi negara dengan menyediakan akses ke pendidikan tinggi kepada kelompok B40 khususnya yang tidak mendapat tempat di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA).

PKIBM juga berharap

# KONGSI PELUANG KE IPTS

PKIBM, Mydin dan Iklanika anjur Karnival Pendidikan MyUni 2022



PKIBM komited untuk terus memainkan peranan aktif dalam arus perdana pendidikan tinggi negara.



PASAR raya besar Mydin akan menjadi lokasi penganjuran kepada tujuh daripada 11 siri jelajah.

inisiatif ini dapat membantu lebih banyak IPTS Bumiputera khususnya yang bersaiz sederhana dan kecil menyertai karnival pendidikan sekali gus mempromosikan program pengajian yang ditawarkan sama ada di peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.

Mydin Mohamed Holdings Berhad, sebuah syarikat perniagaan runcit dan borong terbesar di Malaysia yang mempunyai jenama kukuh pula akan menyokong usaha murni PKIBM membantu lebih ramai lepasan sekolah khususnya dalam keluarga B40 yang tidak ditawarkan tempat

di IPTA, mendapat peluang pendidikan tinggi berkualiti.

Selain itu, Mydin Mohamed Holdings Berhad menyokong usaha membantu Kementerian Pengajian Tinggi meningkatkan akses lepasan sekolah ke pendidikan tinggi yang sejak dua tahun lalu, merosot berikutan pandemik Covid-19.

Menerusi usaha murni ini, Mydin Mohamed Holdings Berhad juga bersedia menjalinkan kerjasama bersesuaian dengan PKIBM untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan tinggi dalam kalangan masyarakat dan membantu mempromosi

peluang pendidikan yang ditawarkan 54 ahli persatuan yang terdiri daripada universiti, kolej universiti dan kolej kepada masyarakat.

Bagi Karnival Pendidikan MyUni 2022, pasar raya besar Mydin akan menjadi lokasi penganjuran kepada tujuh daripada 11 siri jelajah iaitu di Pulau Pinang, Perak, Melaka, Sarawak, Johor, Kelantan dan Lembah Klang.

Sebagai penganjuran bersama Karnival Pendidikan MyUni 2022, Iklanika Sdn Bhd pula komited menyediakan lokasi acara selesa serta kondusif kepada pempamer dan pengunjung selain memastikan keselamatan setiap lokasi acara mengikuti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Iklanika Sdn Bhd yang berpengalaman lebih sedekad dalam penganjuran karnival pendidikan juga akan bekerjasama dengan Mydin Mohamed Holdings Berhad secara eksklusif dengan menjadikan pasar raya besar sebagai lokasi penganjuran pada masa akan datang.

Untuk maklumat lanjut mengenai karnival ini, layari laman sesawang Karnival Pendidikan MyUni di [www.edufair.myuni.com.my](http://www.edufair.myuni.com.my) atau hubungi talian +6017 634638.

TAJUK: JAKIM PERTAHAN PEMATUHAN HALAL

SUMBER UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

TARIKH : 23/05/2022

## Jakim pertahan pematuhan halal

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melengkapkan siasatan berhubung isu pelanggaran protokol halal sebuah rumah penyembelihan di Australia.

Dalam satu artikel kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarahnya, Datuk Hakimah Mohd. Yusoff menegaskan, ini termasuk mengesyorkan tindakan sepatutnya untuk mempertahankan prosedur dan pematuhan halal.

Tegasnya, jika terbukti berlakunya pelanggaran prosedur dan pematuhan halal terhadap mana-mana badan atau loji sembelihan berkenaan, Jakim dengan penuh rasa bertanggungjawab dan integriti akan mengambil tindakan sewajarnya.

Menurut beliau, khusus di Australia, Jakim telah meletakkan pegawai Atase Halal di Kedutaan Besar Malaysia di Canberra secara tetap yang bertanggungjawab menyelia dan

memantau rumah sembelihan atau loji pemprosesan yang mendapat kelulusan mengeksport produk ke Malaysia bersama dengan badan pensijilan halal diiktiraf Jakim.

“Bagaimanapun, semua keperluan dan mekanisme yang dinyatakan di atas belum memadai sehingga Jakim sendiri menjalankan pengauditan dan penilaian lapangan bagi mengeksahkan dan membuat perakuan halal.

“Pengauditan secara bersama dengan auditor Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) saling melengkapi aspek keselamatan, kualiti dan pematuhan halal,” kata beliau.

Isu integriti Jakim mula mencetuskan persoalan ramai susulan pendedahan *Utusan Malaysia* mengenai kesahihan sijil halal sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia.

Operasi premis itu pernah diantung Jabatan Perkhidmatan Veterinar kerana tidak mematuhi protokol ketat Jakim tetapi

masih mengeksport daging dengan label halal diragui ke Malaysia.

Isu itu mengakibatkan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat membuat laporan integriti Jakim kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mengulas lanjut, Hakimah berkata, hasil penemuan dan dapatan dalam konteks pematuhan halal kemudiannya perlu melalui sebanyak empat kali proses pembentangan dan penilaian iaitu dua peringkat penilaian di peringkat Jakim dan dua peringkat seterusnya diurusetakan oleh JPV sebelum satu keputusan diberikan.

Jelas beliau, setiap penemuan ketidakakuratan semasa audit akan dibentangkan oleh auditor dan dibincangkan secara mendalam untuk mendapat keputusan sama ada wajar diberi kelulusan atau tidak diluluskan.

Katanya, keputusan akhir

UTUSAN MALAYSIA M/S 9  
MEI 23, 2022 (ISNIN)

dari pada mesyuarat ini adalah penentu bagi memastikan sesuatu permohonan itu boleh disenaraikan di dalam senarai rumah sembelih atau loji pemprosesan luar negara yang mendapat kelulusan untuk mengeksport daging atau hasilan daging ke Malaysia di laman sesawang JPV [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my).

■ Rencana penuh di muka 15



HAKIMAH  
MOHD.  
YUSOFF

TAJUK: ResQ TEAM UPSI BANTU MANGSA BANJIR

SUMBER BERITA HARIAN MUKA SURAT : 30

TARIKH : 23/05/2022

Hujan lebat di beberapa kawasan Janda Baik, Pahang beberapa hari lalu menyebabkan kawasan itu dilanda banjir kilat yang menenggelamkan hampir keseluruhan kawasan perkampungan dan peranginan di situ.

Sehubungan itu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) segera mengatur gerak ResQ Team UPSI bagi menjalankan misi pasca banjir di kawasan yang terjejas.

Program bantuan sukarelawan itu adalah kali kedua yang dilaksanakan di Janda Baik selepas banjir yang melanda di lokasi yang sama pada penghujung tahun 2021.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Dr Norkhalid Salimin berkata, ResQ Team UPSI yang diketuai Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Profesor Madya Dr Mohd Azlan Nafiah membabitkan 42 sukarelawan yang terdiri

## ResQ Team UPSI bantu mangsa banjir



PASUKAN sukarelawan UPSI yang membantu Tam's Chalet.



SUKARELAWAN yang terdiri daripada mahasiswa tekun dan bersemangat membersihkan kawasan.

daripada lapan kakitangan dan 34 orang ResQ Siswa yang juga penuntut UPSI.

Menurutnya, atas dasar kemanusiaan, keprihatinan dan semangat kesukarelawanan warga universiti terhadap masyarakat, ResQ Team UPSI tampil serta turun padang buat kali kedua pada tahun ini dalam misi bantuan pasca banjir di daerah Janda Baik yang dilanda musibah banjir.

"Misi kali ini, sukarelawan ResQ Team UPSI membantu Tam's Chalet yang terletak di Janda Baik sebagai kawasan atau tumpuan utama dalam menjalankan misi bantuan kerja-kerja pembersihan pasca banjir.

"Alhamdulillah, atas bantuan secara bergotong-royong dan semangat kemasyarakatan yang ditonjolkan, ResQ Team UPSI dapat membantu meredakan sedikit sebanyak kesan bencana yang melanda Tam's Chalet dan meringankan beban

mangsa banjir.

"Bantuan ini juga adalah sebahagian inisiatif supaya chalet yang terkesan dapat beroperasi semula selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan banjir yang berlaku," katanya.

Sementara itu Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff menzahirkan rasa bangga dan terima kasih kepada semua sukarelawan yang terbabit kerana sanggup berkorban masa serta tenaga demi berkhidmat kepada masyarakat di saat bencana berlaku.

"Keprihatinan dan komitmen yang tinggi dari sukarelawan ResQ Team UPSI dalam menjalankan misi bantuan pasca banjir diharapkan dapat dikenangkan supaya terus bersemangat menabur bakti kepada masyarakat.

"Ia juga secara tidak langsung dapat memasyarakatkan universiti melalui bantuan pengurusan bencana," katanya.

TAJUK: SASAR 40 USAHAWAN SERTAI DAKWAH BUDAYAKAN AL-QURAN

SUMBER: SINAR MUKA SURAT : 34

TARIKH : 23/05/2022

## Sasar 40 usahawan sertai dakwah budayakan al-Quran

**KOTA BHARU** - Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan (PRNNK) menyasarkan 30 hingga 40 usahawan dan peniaga di negeri ini untuk menyertai usaha penyatuan ummah menerusi al-Quran.

Pengerusinya, Datuk Adnan Hashim berkata, usaha dakwah dan ekonomi itu akan melibatkan amalan mengaji al-Quran serta impak yang akan diperoleh melalui pengamatan kitab tersebut dalam pekerjaan mahupun perniagaan.

Katanya, usaha permulaan julung kalinya dilakukan adalah bersama rakan baharu PRNNK iaitu Mydin Mall, Tunjong dan akan dilaksanakan di lebih banyak premis perniagaan yang lain selepas ini.

"Usaha penyatuan ummah ini tergenda berikutan Covid-19 dan kini perancangan serta strategi kembali disusun PRNNK dalam usaha menyatukan ummah menerusi al-Quran.

"Disasarkan antara 30 hingga 40 usahawan dan peniaga yang akan diajak bersama-sama membudayakan pembacaan al-Quran pada peringkat majikan sehingga ke dalam kalangan kakitangan mereka sendiri," katanya selepas Mesyuarat Agong PRNNK kali ke-3 tahun 2022, di Kadok di sini, pada Sabtu.

Turut diadakan serentak ialah Majlis Sambutan Hari Raya PRNNK yang dihadiri lebih 300 ahli persatuan itu.

Ujarnya, usaha-usaha penyatuan ummah menerusi dak-



Barisan ahli PRNNK menunjukkan akhbar *Sinar Harian* yang diperoleh pada Mesyuarat Agong PRNNK kali ke-3 di Kadok.

wah kepada para usahawan dan peniaga itu dijangka akan memberi manfaat kepada 400 pekerja dan keluarga serta kenalan sekeliling mereka.

"Kita mahu majikan melihat

impak yang diperoleh terhadap perniagaan dan keuntungan selepas membudayakan al-Quran di tempat berniaga.

"Antara pendekatan unik yang dilakukan menerusi usaha

penyatuan ummah ini ialah menyediakan kelas mengaji al-Quran secara percuma kepada anak-anak pengunjung pasar raya sementara ibu bapa mereka pergi membeli-belah," katanya.

TAJUK: HALAL : PROSES KETAT, BERINTEGRITI

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 23/05/2022

# Halal: Proses ketat, berintegriti


**HAKIMAH MOHD. YUSOFF**

**P**ADA masa ini, Malaysia mengimport bekalan daging mentah dari 50 rumah sembelihan dan loji pemprosesan di pelbagai negara bagi memenuhi keperluan bekalan daging mentah dari sudut peruncitan dan perindustrian. Proses pengimportan daging mentah tersebut melalui satu prosedur yang ketat dan terperinci sebelum kelulusan untuk mengeksport diberikan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) selaku ensi berautoriti dalam mengeluarkan permit import kepada syarikat pengimport.

Antara negara-negara yang mengeksport daging ke Malaysia adalah India, Pakistan, Thailand, China, Australia, New Zealand, Brazil, Argentina, Australia dan Jepun.

Dalam konteks halal, kerajaan mengambil usaha proaktif dengan menetapkan polisi terhadap setiap produk daging sama ada lembu, kerbau, kambing, ayam atau haiwan halal import lain yang masuk ke pasaran. Polisi kerajaan ini bukan sahaja dirangka sebagai usaha untuk menjamin rantai halal bahan mentah di Malaysia malah sebagai satu bentuk kawalan agar hanya daging sembelihan halal dibenarkan dibawa masuk.

Pelaksanaan dasar ini pastinya melibatkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) selaku pihak berkuasa dalam pensijilan halal di Malaysia. Namun, Jakim tidak pernah dan tidak mengeluarkan pensijilan halal secara terus kepada loji sembelihan 'sar negara sebaliknya raperanan menyelia dan memberi perakuan dari sudut keperluan halal dan kepatuhan syariah. Pun demikian, Jakim tidak akan berkompromi untuk merendahkan prosedur halal



KERAJAAN menetapkan polisi halal yang ketat terhadap setiap produk daging sama ada lembu, kerbau, kambing, ayam atau haiwan halal import lain yang masuk ke pasaran. - GAMBAR HIASAN/AFP

terhadap rumah sembelihan luar negara yang diaudit.

Untuk memastikan matlamat tersebut dicapai, Jakim menetapkan keperluan halal bagi rumah sembelihan atau loji pemprosesan yang diluluskan mengeksport produk ke Malaysia untuk melaksanakan sistem halal sepenuhnya (*dedicated halal plant*) berdasarkan keperluan *Malaysian Protocol for the Halal Meat and Poultry Production* dan *MS Halal Food - Production, Preparation, Handling and Storage - General Guidelines* (MS 1500:2009).

Selain itu, keperluan dan kriteria wajib bagi setiap permohonan pengimportan daging ke Malaysia adalah memiliki pensijilan halal sah daripada badan pensijilan halal diiktiraf oleh Jakim dari negara berkenaan. Mekanisme ini dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem halal di rumah sembelihan atau loji pemprosesan luar negara meliputi aspek pengauditan, penilaian dan pemantauan termasuk memberi latihan dan tauliah kepada penyembelih serta keberadaan penyelia dan pemeriksa halal loji sembelihan berkenaan.

Justeru, setiap loji

sembelihan yang diluluskan untuk mengimport daging ke Malaysia bukan sahaja perlu diaudit, diselia dan dipantau oleh badan pensijilan halal luar negara malah perlu memastikan aspek pematuhan halal menepati syarat dan keperluan ditetapkan oleh Jakim bagi pasaran Malaysia atau tidak.

Dalam masa sama, badan pensijilan halal luar negara dikehendaki menyediakan laporan dan rekod pemantauan yang mereka lakukan ke atas rumah sembelihan atau loji pemprosesan di bawah seliaan mereka. Laporan dan rekod pemantauan tersebut perlu dihantar kepada Jakim setiap enam bulan dan disemak oleh juruaudit syariah Jakim apabila melakukan audit bersama JPV.

## ATASE HALAL

Dalam konteks pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara pula, ia diberikan berdasarkan permohonan yang diterima daripada badan berkenaan dan setelah melalui satu penilaian dokumen dan lapangan berdasarkan prosedur pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara serta melalui

proses pemantauan berkala. Mekanisme pengiktirafan ini juga merupakan sebahagian daripada usaha bagi mengawal rantai halal bahan mentah dan produk yang kita gunakan setiap hari.

Terkini, sebanyak 84 badan pensijilan halal dari 46 negara telah memperoleh pengiktirafan daripada Jakim. Khusus di Australia, Jakim meletakkan pegawai Atase Halal di Kedutaan Besar Malaysia di Canberra secara tetap yang bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau rumah sembelihan atau loji pemprosesan yang telah mendapat kelulusan mengeksport produk mereka ke Malaysia bersama badan pensijilan halal yang diiktiraf oleh Jakim.

Bagaimanapun, kesemua keperluan dan mekanisme yang dinyatakan di atas masih belum memadai sehingga Jakim sendiri menjalankan pengauditan dan penilaian lapangan bagi mengesahkan dan membuat perakuan halal. Pengauditan yang dijalankan secara bersama dengan juruaudit JPV ini saling melengkapi aspek keselamatan, kualiti dan pematuhan halal.

Hasil penemuan dan dapatan dalam

konteks pematuhan halal kemudiannya perlu melalui sebanyak empat kali proses pembentangan dan penilaian iaitu dua peringkat penilaian di peringkat Jakim dan dua peringkat seterusnya diuruskan oleh JPV sebelum satu keputusan diberikan. Setiap penemuan ketidakakuruan semasa audit akan dibentangkan oleh juruaudit dan dibincangkan secara mendalam untuk mendapatkan keputusan sama ada wajar diberi kelulusan atau tidak diluluskan.

Keputusan akhir daripada mesyuarat ini adalah penentu bagi memastikan sesuatu permohonan itu boleh disenaraikan dalam senarai rumah sembelihan atau loji pemprosesan luar negara yang mendapat kelulusan untuk mengeksport daging atau hasil daging ke Malaysia di laman sesawang JPV, [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my).

Secara umumnya, kerajaan bukan sahaja menetap dan melaksanakan dasar halal terhadap setiap produk daging import yang masuk ke pasaran Malaysia halal dan selamat untuk dimakan malah telah merangka mekanisme pengawalan di seluruh rantai halal, membangunkan keperluan dan kriteria yang ketat serta membuat perakuan halal berdasarkan penilaian, pengauditan lapangan dan pembentangan melalui beberapa lapisan jawatankuasa sebelum memberi kelulusan kepada sesebuah loji dan kemasukan daging import ke Malaysia.

Namun, sekiranya terbukti berlaku perlakuan prosedur dan pematuhan halal terhadap mana-mana badan atau loji sembelihan berkenaan, Jakim dengan penuh rasa tanggungjawab dan integriti akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melengkapkan siasatan dan mengesyorkan tindakan sepatutnya untuk mempertahankan prosedur dan pematuhan halal.

DATUK Hakimah Mohd. Yusoff ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

TAJUK: KES MACAU SCAM MAKIN BERLELUASA

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 14

TARIKH : 23/05/2022

# Kes Macau Scam makin berleluasa

156 kes dilaporkan di Selangor libatkan kerugian lebih RM19.8 juta

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Kes jenayah Macau Scam di Selangor mencatatkan peningkatan agak ketara melibatkan kerugian lebih RM19.8 juta dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, dari Januari hingga April tahun ini sahaja sebanyak 156 kes Macau Scam dilaporkan di negeri ini.

“Bagi saya, jumlah kes yang

berlaku ini merupakan perkara membimbangkan, bayangkan dalam tempoh empat bulan sahaja, nilai kerugian dicatatkan melibatkan belasan juta ringgit,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Universiti Teknologi Mara (UiTM) Zon Tengah di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC), UiTM di sini pada Ahad.

Jelas beliau, modus operandi yang digunakan sindiket Macau Scam adalah menimbulkan rasa panik terhadap mangsa.

“Berdasarkan kes-kes yang dicatatkan sebelum ini, mangsa akan ditakutkan oleh sindiket dengan menyamar sebagai pegawai polis dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

“Mereka menyatakan mangsa ada mempunyai tunggakan dari

ISNIN 23 MEI 2022 · SINAR HARIAN (M/S 14)



Arjunaidi (tengah) dalam sidang media selepas Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis UiTM Zon Tengah di Shah Alam pada Ahad.

segi cukai, saman dan sebagainya hingga mangsa terpedaya dan menuruti apa sahaja kehendak sindiket,” katanya.

Menurut Arjunaidi, mangsa Macau Scam ini terdiri daripada semua golongan di negara ini.

“Setakat ini, berdasarkan

siasatan dijalankan, tiada spesifikasi khusus mangsa yang terlibat, semua golongan ada menjadi mangsa, sama ada golongan atasan, sederhana atau kurang berkemampuan.

“Begini juga dari segi pekerjaan, ada juga mangsa yang

terlibat adalah kakitangan kerajaan, pesara, malah ada kes yang melibatkan golongan korporat dan mereka yang berjawatan tinggi,” katanya.

Tambah beliau, antara faktor utama menjadi penyebab seorang itu menjadi mangsa kepada Macau Scam adalah kesedaran.

“Kurangnya kesedaran berkaitan jenayah melibatkan Macau Scam ini antara faktor mangsa terperangkap dan jangan sewenang-wenangnya menyerahkan data peribadi kepada mereka yang tidak dikenali.

“Paling penting saya nak ingatkan bahawa pegawai polis dan LHDN tidak bertugas dalam satu pejabat, ada kes yang mana panggilan dengan mudah dipindahkan kepada pegawai polis, ini sesuatu yang tidak berlaku sebenarnya, jadi dalam soal ini masyarakat kena lebih peka dan jangan mudah terperdaya,” tegas beliau.

TAJUK: BANGGA DALAM LINANGAN AIR MATA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 10

TARIKH : 23/05/2022

# Bangga dalam linangan air mata

Oleh ISKANDAR SHAH  
MOHAMED  
utusannews@mediamulia.com.my

**IAH ALAM:** Seorang bapa bangga dalam linangan air mata ketika menerima diploma arwah anak perempuannya pada majlis Konvokesyen Politeknik Banting Selangor (PBS) ke-11 semalam.

Fakhruddin Kambali, 50, hadir mengambil skrol di Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PPSSAAS) di sini, bagi pihak arwah anaknya, Nur Sabrina Fakhruddin, 22, yang meninggal dunia akibat komplikasi jantung pada 27 Mac lalu.

Anak ketiga daripada enam beradik itu menerima Diploma Kejuruteraan Mekanikal daripada Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Zainab Ahmad.

Menurut Fakhruddin, dia menyedari arwah menghidap penyakit jantung sejak kecil namun tidak menyangka arwah pergi sebelum menerima diploma yang menjadi cita-cita



FAKHRUDDIN Kambali (kanan) menerima skrol diploma arwah anaknya daripada Zainab Ahmad pada majlis Konvokesyen Politeknik Banting di Shah Alam, Selangor semalam.

tanya.

"Arwah seorang yang rajin, lemah lembut dan mempunyai

semangat tinggi untuk melanjutkan pelajaran.

"Biarpun sedih, kami seke-

luarga berbangga dengan kejayaan arwah dan ternyata Allah lebih menyayangi arwah,"

UTUSAN MALAYSIA M/S 10 23 MEI 2022 (JS/NIN)

katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Seramai 365 graduan menerima diploma bagi sesi Disember 2020 iaitu 120 orang dalam Penyenggaraan Pesawat, Kejuruteraan Mekanikal (182) dan Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (63).

Kata Fakhruddin, Nur Sabrina juga seorang yang amat disenangi rakan dan pensyarahnya selain aktif dalam aktiviti anjuran PBS.

Sementara itu, Zainab berkata, statistik kebolehpasaran graduan PBS tahun lalu mencapai peningkatan kepada 95.9 peratus berbanding 94.4 pada tahun sebelumnya.

"Selain itu, PBS antara institusi pendidikan tinggi yang mencapai skor 100 peratus dalam pencapaian Indeks Petunjuk Prestasi (KPI).

"Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa mengorak langkah proaktif terutama mengembangkan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)," ujarnya.

TAJUK: KHAZANAH BERHARGA IMAM NAWAWI

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 22

TARIKH : 20/05/2022

# Khazanah berharga Imam Nawawi

Cetusan fikrah dan makrifat ulama hebat itu menjadi rujukan umat Islam sehingga kini

Oleh NURULFATIHA MUAH

**N**AMA Imam Nawawi tidak asing lagi pada umat Islam. Beliau antara ulama tersohor dalam Mazhab Syafie yang menjadi pegangan umat Islam Malaysia.

Panggilan Nawawi hanyalah jolokannya sahaja. Sebaliknya, nama penuh ulama itu ialah Abu Zakaria Mohiuddin Yahya ibn Sharaf Al-Nawawi.

Beliau dilahirkan pada bulan Muharam 631 Hijrah (1233 Masihi) di Kampung Nawa, berhampiran Damsyik, Syria. Kalimah an-Nawawi sebenarnya diambil berdasarkan kepada kampung halamannya.

Sesungguhnya, kisah kehidupan cendekiawan Islam hebat yang zuhud itu begitu menarik untuk ditelusuri. Suatu perkara yang menarik perhatian *Sinar Islam Plus* apabila diriwayatkan bahawa kehidupan Imam Nawawi tidak seperti kanak-kanak lain.

Bayangkan pada usianya masih mentah, beliau 'membenci' sebarang aktiviti yang menjauahkan dirinya daripada menghafaz al-Quran!

Demikian fakta yang dilaporkan oleh islamicfinder.org. Malah, figura masyhur itu acap kali menumpukan perhatian kepada pelajarannya.

"Sehingga pada suatu ketika, apabila kanak-kanak memaksanya bermain dengan mereka, Imam Nawawi akan menangis kerana masa yang disia-siakkannya.

"Maka tidak hairanlah beliau mampu menghafaz al-Quran pada usia yang masih muda," katanya dipetik daripada laporan laman sesawang berkenaan.

Menjadi resam ilmuannya sentiasa berasa tidak cukup dengan ilmu di dada. Begitu juga yang dirasakan oleh Imam Nawawi. Beliau hanya tinggal di Nawa sehingga umurnya mencécah 18 tahun.

Ulama masyhur itu kemudian berhijrah ke Damsyik. Di situ lah beliau menggali ilmu hadis, fiqh dan prinsip Islam daripada ramai ulama besar Islam. Antara yang pernah menjadi gurunya

ialah Ishaq ibn Ahmad al-Maghribi al-Maqdisi, Abdul Rahmaan al-Anbari dan Abdul Azeez al-Ansaari. Malah, beliau juga berkesempatan belajar Sahih Muslim daripada Abu Ishaq Ibrahim al-Waasiti.

## Keperibadian mengagumkan


Pada usia 24 tahun, Imam Nawawi mula mengajar di Mazhab Ashrafiyah. Ketinggian ilmu dan reputasinya sebagai ulama mula terserlah selepas itu. Malah, ia turut diperakui oleh para ulama dan penduduk Damsyik.

Tidak keterlaluan dikatakan, beliau mengabdikan diri dengan menguasai ilmu. Bahkan seluruh hidupnya hanya dihabiskan untuk belajar dan mengajar sahaja.

Malah, ada kisah yang menyatakan, Imam Nawawi tidak berbaring ketika tidur melainkan dengan berehat di atas bukunya sahaja.

Seperti kebanyakan ilmuwan lain, ulama yang menjadi rujukan ramai itu menguasai pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Namun begitu, beliau sangat mahir dalam ilmu fiqh dan hadis.

SEPANJANG hidupnya, Imam Nawawi mengabdikan diri dengan menggali ilmu dan mengajar.



Istimewanya, beliau juga diketahui mampu menghafaz fiqh Mazhab Syafie, hukum fiqh, usul dan furu'. Bukan itu sahaja, kemampuan beliau mengetahui secara terperinci tentang mazhab-mazhab sahabat dan tabiin beserta kesilapan para ulama, pandangan dan ijmak membuatkannya dikagumi ramai.


Malah, Imam Nawawi juga tahu mana satu pendapat yang popular dan tidak. Ketokohnya begitu terserlah. Lihat sahaja dalam bidang hadis, Imam Nawawi digelar sebagai Sayyid Hadzhi at-Tabaqah (ketua ahli hadis kontemporari).

Bahkan, beliau turut dikenali sebagai pengamal sunnah Nabi Muhammad SAW, kerana berzuhud dengan apa yang diperoleh hasil keringatnya sendiri.

"Ketika menjadi guru di Darul Hadith al-Asyrafiyah, beliau tidak mengambil gaji dan hanya berpuas hati dengan wang pemberian ibu bapanya."

Walaupun Imam Nawawi tidak semp berkahwin, namun pemergiannya meninggalkan khazanah yang tidak ternilai iaitu hasil karya kitab-kitabnya yang menjadi rujukan seantero dunia hingga hari ini.

## PROFIL



**Nama penuh:** Abu Zakaria Mohiuddin Yahya ibn Sharaf an-Nawawi.  
**Gelaran:** Imam Nawawi, Imam an-Nawawi dan Sayyid Hadzhi

**at-Tabaqah.**  
**Asal:** Nawa berhampiran Damsyik, Syria.

**Tahun kelahiran:** 631 Hijrah.  
**Tahun kematian:** 24 Rejab 676 H (1277 M).

**Karya agung:** *Riyadhus-Solihin*, *al-Minhaj bi Sharh Sahih Muslim*, *Sharh Sahih al-Bukhari* dan *Minhaj at-Talibin*

### Sumbangan:

- Menyaring pendapat-pendapat dalam Mazhab Syafie.
- Menghasilkan Sahih Muslim yang ditulis dua tahun sebelum kematiannya sangat luar biasa, hingga menjadi rujukan sampai ke hari ini.

TAJUK: SASAR 40 USAHAWAN SERTAI DAKWAH BUDAYAKAN AL-QURAN

SUMBER: SINAR MUKA SURAT : 34

TARIKH : 23/05/2022

## Sasar 40 usahawan sertai dakwah budayakan al-Quran

**KOTA BHARU** - Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan (PRNNK) menyasarkan 30 hingga 40 usahawan dan peniaga di negeri ini untuk menyertai usaha penyatuan ummah menerusi al-Quran.

Pengerusinya, Datuk Adnan Hashim berkata, usaha dakwah dan ekonomi itu akan melibatkan amalan mengaji al-Quran serta impak yang akan diperoleh melalui pengamatan kitab tersebut dalam pekerjaan mahupun perniagaan.

Katanya, usaha permulaan julung kalinya dilakukan adalah bersama rakan baharu PRNNK iaitu Mydin Mall, Tunjong dan akan dilaksanakan di lebih banyak premis perniagaan yang lain selepas ini.

"Usaha penyatuan ummah ini tergenda berikutan Covid-19 dan kini perancangan serta strategi kembali disusun PRNNK dalam usaha menyatukan ummah menerusi al-Quran.

"Disasarkan antara 30 hingga 40 usahawan dan peniaga yang akan diajak bersama-sama membudayakan pembacaan al-Quran pada peringkat majikan sehingga ke dalam kalangan kakitangan mereka sendiri," katanya selepas Mesyuarat Agong PRNNK kali ke-3 tahun 2022, di Kadok di sini, pada Sabtu.

Turut diadakan serentak ialah Majlis Sambutan Hari Raya PRNNK yang dihadiri lebih 300 ahli persatuan itu.

Ujarnya, usaha-usaha penyatuan ummah menerusi dak-



Barisan ahli PRNNK menunjukkan akhbar *Sinar Harian* yang diperoleh pada Mesyuarat Agong PRNNK kali ke-3 di Kadok.

wah kepada para usahawan dan peniaga itu dijangka akan memberi manfaat kepada 400 pekerja dan keluarga serta kenalan sekeliling mereka.

"Kita mahu majikan melihat

impak yang diperoleh terhadap perniagaan dan keuntungan selepas membudayakan al-Quran di tempat berniaga.

"Antara pendekatan unik yang dilakukan menerusi usaha

penyatuan ummah ini ialah menyediakan kelas mengaji al-Quran secara percuma kepada anak-anak pengunjung pasar raya sementara ibu bapa mereka pergi membeli-belah," katanya.

TAJUK: JAKIM PERTAHAN PEMATUHAN HALAL

SUMBER UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

TARIKH : 23/05/2022

## Jakim pertahan pematuhan halal

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melengkapkan siasatan berhubung isu pelanggaran protokol halal sebuah rumah penyembelihan di Australia.

Dalam satu artikel kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarahnya, Datuk Hakimah Mohd. Yusoff menegaskan, ini termasuk mengesyorkan tindakan sepatutnya untuk mempertahankan prosedur dan pematuhan halal.

Tegasnya, jika terbukti perlakunya pelanggaran prosedur dan pematuhan halal terhadap mana-mana badan atau loji sembelihan berkenaan, Jakim dengan penuh rasa bertanggungjawab dan integriti akan mengambil tindakan sewajarnya.

Menurut beliau, khusus di Australia, Jakim telah meletakkan pegawai Atase Halal di Kedutaan Besar Malaysia di Canberra secara tetap yang bertanggungjawab menyelia dan

memantau rumah sembelihan atau loji pemprosesan yang mendapat kelulusan mengeksport produk ke Malaysia bersama dengan badan pensijilan halal diiktiraf Jakim.

“Bagaimanapun, semua keperluan dan mekanisme yang dinyatakan di atas belum memadai sehingga Jakim sendiri menjalankan pengauditan dan penilaian lapangan bagi mengeksahkan dan membuat perakuan halal.

“Pengauditan secara bersama dengan auditor Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) saling melengkapinya aspek keselamatan, kualiti dan pematuhan halal,” kata beliau.

Isu integriti Jakim mula mencetuskan persoalan ramai susulan pendedahan *Utusan Malaysia* mengenai kesahihan sijil halal sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia.

Operasi premis itu pernah dihantui ketidakjelasan kerana tidak mematuhi protokol ketat Jakim tetapi

masih mengeksport daging dengan label halal diragui ke Malaysia.

Isu itu mengakibatkan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat membuat laporan integriti Jakim kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mengulas lanjut, Hakimah berkata, hasil penemuan dan dapatan dalam konteks pematuhan halal kemudiannya perlu melalui sebanyak empat kali proses pembentangan dan penilaian iaitu dua peringkat penilaian di peringkat Jakim dan dua peringkat seterusnya diuruskan oleh JPV sebelum satu keputusan diberikan.

Jelas beliau, setiap penemuan ketidakjelasan semasa audit akan dibentangkan oleh auditor dan dibincangkan secara mendalam untuk mendapat keputusan sama ada wajar diberi kelulusan atau tidak diluluskan.

Katanya, keputusan akhir

UTUSAN MALAYSIA M/S 9  
MEI 23, 2022 (ISNIN)

dari pihak mesyuarat ini adalah penentu bagi memastikan sesuatu permohonan itu boleh disenaraikan di dalam senarai rumah sembelih atau loji pemprosesan luar negara yang mendapat kelulusan untuk mengeksport daging atau hasilan daging ke Malaysia di laman sesawang JPV [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my).

■ Rencana penuh di muka 15



HAKIMAH  
MOHD.  
YUSOFF

TAJUK: HALAL : PROSES KETAT, BERINTEGRITI

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 15

TARikh : 23/05/2022

# Halal: Proses ketat, berintegriti

**HAKIMAH MOHD. YUSOFF**



ADA masa ini, Malaysia mengimport bekalan daging mentah dari 50 rumah sembelihan dan loji pemprosesan di pelbagai negara bagi memenuhi keperluan bekalan daging pengimportan daging mentah tersebut melalui satu prosedur yang ketat dan terperinci sebelum kelulusan untuk mengeksport diberikan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinari (JPV) selaku ensi berautoriti dalam mengeluarkan permit import kepada syarikat pengimport.

Antara negara-negara yang mengeksport daging ke Malaysia adalah India, Pakistan, Thailand, China, Australia, New Zealand, Brazil, Argentina, Australia dan Jepun.

Dalam konteks halal, kerajaan mengambil usaha proaktif dengan menetapkan polisi terhadap setiap produk daging sama ada lembu, kerbau, kambing, ayam atau haiwan halal import lain yang masuk ke pasaran. Polisi kerajaan ini bukan sahaja dirangka sebagai usaha untuk menjamin rantauan halal bahan mentah di Malaysia malah sebagai satu bentuk kawalan agar hanya daging sembelihan halal diberlakukan dibawa masuk.

Pelaksanaan dasar ini pastinya melibatkan Jakatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakkim) selaku pihak berkuasa dalam pensijilan halal di Malaysia. Namun, Jakkim tidak pernah memberi perakuan dari pensijilan halal secara terus kepada loji sembelihan iaitu negara sebaliknya saperan menyelia dan memberi perakuan dari sudut keperluan halal dan keputuhan syariah. Pun demikian, Jakkim tidak akan berkompromi untuk merendahkan prosedur halal



KERAJAAN menetapkan polisi halal yang ketat terhadap setiap produk daging sama ada lembu, kerbau, kambing, ayam atau haiwan halal import lain yang masuk ke pasaran. - GAMBAR HIASAN/AFP

sembelihan yang diluluskan untuk mengimport daging ke luar negara yang diaudit.

Untuk memastikan matlamat tersebut dicapai, Jakim menetapkan keperluan halal bagi rumah sembelihan atau loji pemprosesan yang diluluskan mengeksport produk ke Malaysia untuk melaksanakan sistem halal sepenuhnya (*dedicated halal plant*) berdasarkan keperluan *Malaysian Protocol for the Halal Meat and Poultry Production and MS Halal Food - Production, Preparation, Handling and Storage - General Guidelines* (MS 1500:2009).

Selain itu, keperluan dan kriteria wajib bagi setiap permohonan pengimport daging ke Malaysia adalah memiliki pensijilan halal sah daripada badan pensijilan halal diiktiraf oleh Jakim dari negara berkenaan. Mekanisme ini dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem halal di rumah sembelihan atau loji pemprosesan luar negara meliputi aspek pengauditan, penilaian dan pemantauan termasuk memberi latihan dan tauilah kepada penyembelih serta keberadaan penyelia dan pemeriksa halal loji sembelihan berkenaan.

Justeru, setiap loji sembelihan berkenaan bersama JPV bersama

proses pemantauan berkala. Mekanisme pengiktirafan ini juga merupakan sebuah rancangan daripada usaha bagi mengawal rantaian halal bahan mentah dan produk yang kita gunakan setiap hari.

Terkin, sebanyak 84 badan pensijilan halal dari 46 negara telah memperoleh pengiktirafan daripada Jakim. Khusus di Australia, Jakim meletakkan pegawai Atase Halal di Kedutaan Besar Malaysia di Canberra secara tetap yang bertanggungjawab mereka lakukan ke atas rumah sembelihan atau loji pemprosesan di bawah seliaan mereka. Laporan dan rekod pemantauan tersebut perlu dihantar kepada Jakim setiap enam bulan dan disemak oleh juruaudit syariah Jakim apabila melakukan audit bersama JPV.

**ATASE HALAL**  
Dalam konteks pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara pula, ia diberikan berdasarkan permohonan yang diterima daripada badan berkenaan dan setelah melalui satu penilaian dokumen dan lapangan berdasarkan prosedur pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara serta melalui

konteks pematuhan halal kemudiannya perlu melalui sebanyak empat kali proses pembentangan dan penilaian iaitu dua peringkat penilaian di peringkat seterusnya diurussetiakan oleh JPV sebelum satu keputusan mendapatkan keputusan sama ada wajir diberi diluluskan.

Keputusan akhir daripada mesyuarat ini adalah pentru bagi memastikan sesuatu permohonan itu boleh disenaraikan dalam senarai rumah sembelih atau loji pemprosesan luar negara yang mendapat kelulusan untuk mengeksport daging atau hasil daging ke Malaysia di laman sesawang JPV, [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my).

Secara umumnya, kerajaan bukan sahaja menetap dan melaksanakan dasar halal terhadap setiap produk daging import yang masuk ke pasaran Malaysia halal dan selamat untuk dimakan malah telah merangka mekanisme pengawalan di seluruh rantaian halal, membangunkan keperluan dan kriteria yang ketat serta membuat perakuan halal berdasarkan penilaian, pengauditan lapangan dan pembentangan melalui beberapa lapisan jawatankuasa sebelum memberi kelulusan kepada sesebuah loji dan kemasukan daging import ke Malaysia.

Namun, sekiranya terbukti berlaku perlengkaran prosedur dan pematuhan halal terhadap mana-mana badan atau loji sembelihan berkenaan, Jakim dengan penuh rasa tanggungjawab dan integriti akan mengambil tindakan sewajarnya untuk melengkapkan siasatan dan mengesyorkan tindakan sepatutnya untuk mempertahankan prosedur dan pematuhan halal.

DATUK Hakimah Mohd Yusoff ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakkim).

TAJUK: ResQ TEAM UPSI BANTU MANGSA BANJIR

SUMBER BERITA HARIAN MUKA SURAT : 30

TARIKH : 23/05/2022

Hujan lebat di beberapa kawasan Janda Baik, Pahang beberapa hari lalu menyebabkan kawasan itu dilanda banjir kilat yang menenggelamkan hampir keseluruhan kawasan perkampungan dan peranginan di situ.

Sehubungan itu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) segera mengatur gerak ResQ Team UPSI bagi menjalankan misi pasca banjir di kawasan yang terjejas.

Program bantuan sukarelawan itu adalah kali kedua yang dilaksanakan di Janda Baik selepas banjir yang melanda di lokasi yang sama pada penghujung tahun 2021.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Dr Norkhalid Salimin berkata, ResQ Team UPSI yang diketuai Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Profesor Madya Dr Mohd Azlan Nafiah membabitkan 42 sukarelawan yang terdiri

## ResQ Team UPSI bantu mangsa banjir



PASUKAN sukarelawan UPSI yang membantu Tam's Chalet.



SUKARELAWAN yang terdiri daripada mahasiswa tekun dan bersemangat membersihkan kawasan.

daripada lapan kakitangan dan 34 orang ResQ Siswa yang juga penuntut UPSI.

Menurutnya, atas dasar kemanusiaan, keprihatinan dan semangat kesukarelawanan warga universiti terhadap masyarakat, ResQ Team UPSI tampil serta turun padang buat kali kedua pada tahun ini dalam misi bantuan pasca banjir di daerah Janda Baik yang dilanda musibah banjir.

"Misi kali ini, sukarelawan ResQ Team UPSI membantu Tam's Chalet yang terletak di Janda Baik sebagai kawasan atau tumpuan utama dalam menjalankan misi bantuan kerja-kerja pembersihan pasca banjir.

"Alhamdulillah, atas bantuan secara bergotong-royong dan semangat kemasyarakatan yang ditonjolkan, ResQ Team UPSI dapat membantu meredakan sedikit sebanyak kesan bencana yang melanda Tam's Chalet dan meringankan beban

mangsa banjir.

"Bantuan ini juga adalah sebahagian inisiatif supaya chalet yang terkesan dapat beroperasi semula selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan banjir yang berlaku," katanya.

Sementara itu Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff menzhirkan rasa bangga dan terima kasih kepada semua sukarelawan yang terbabit kerana sanggup berkorban masa serta tenaga demi berkhidmat kepada masyarakat di saat bencana berlaku.

"Keprihatinan dan komitmen yang tinggi dari sukarelawan ResQ Team UPSI dalam menjalankan misi bantuan pasca banjir diharapkan dapat dikekalkan supaya terus bersemangat menabur bakti kepada masyarakat.

"Ia juga secara tidak langsung dapat memasyarakatkan universiti melalui bantuan pengurusan bencana," katanya.

TAJUK: SEMBILAN TAHUN LENGKAPKAN PENGAJIAN PhD

SUMBER : UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 32

TARIKH : 23/05/2022

## Sembilan tahun lengkapkan pengajian PhD

**JOHOR BAHRU:** "Mujur tidak bersalin masa ambil skrol daripada Permaisuri Johor," kata Dr. Nur Liyana Sulaiman, 36, yang menerima ijazah doktor falsafah (PhD) sempena Majlis Konvokesyen ke-65 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, dekat sini, semalam.

Katanya, dia kini hanya menunggu detik untuk bersalin memandangkan kandungannya telah berusia sembilan bulan.

"Alhamdulillah saya selamat menerima skrol tetapi perasaan takut itu tetap ada kerana manalah tahu tiba-tiba semasa nak ambil skrol terasa hendak bersalin pula atas pentas.

"Sepanjang tempoh menunggu giliran untuk naik atas pentas saya tidak putus berdoa agar tidak berlaku apa-apa pada bayi dalam kandungan, sebab kalau ikut masa saya akan bersalin hujung bulan ini," katanya kepada *Utusan*



NUR Liyana Sulaiman menerima PhD sempena Majlis Konvokesyen ke-65 UTM di Skudai, Johor Bahru, Johor.  
- UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Malaysia selepas majlis konvokesyen itu.

Nur Liyana yang ditemani suaminya, Azri Amin Che Din

berkata, dia mengambil masa agak lama untuk melengkapkan pengajian PhD dalam bidang kejuruteraan perisian berikutkan masalah kesihatan selain mengalami dua kali keguguran.

"Tetapi itu tidak mematahkan semangat saya untuk terus mengejar cita-cita menjadi pensyarah, walaupun belajar sembilan tahun tetapi berbaloi," katanya.

Sementara itu, bagi pasangan suami isteri yang turut menerima PhD iaitu Dr. Muhammad Aliif Halim Ahmad 33, dan Dr. Jamilah Mahmood, 33, begitu teruja kerana menerima pada hari sama.

Mula berkenalan sebagai penuntut ketika di peringkat sarjana muda hingga PhD sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan membawa seribu kenangan kepada pasangan itu yang kini bertugas di UTM sebagai pensyarah.

Buat julung kalinya Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia (PKIBM), Mydin Mohamed Holdings Berhad dan Iklanika Sdn Bhd menerusi pemeterai memorandum persefahaman baru-baru ini bekerjasama menjayakan Karnival Pendidikan MyUni.

Siri jelajah promosi peluang pendidikan ditawarkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kepada semua lepasan sekolah di seluruh negara itu bertujuan membantu mendapatkan maklumat mengenai hala tuju, bidang bersesuaian dan peluang ditawarkan IPTS yang mengambil bahagian.

Karnival Pendidikan MyUni 2022 memulakan siri jelajahnya sejak 14 Mei lalu di Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Sabah. Karnival seterusnya akan berlangsung di Mydin Tunjong Kota Bharu Kelantan pada 28 dan 29 Mei ini.

Karnival ini juga akan menjelajah ke seluruh negara iaitu di Negeri Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Perak dan Sarawak sehingga 19 Jun ini.

Melalui penganjuran karnival ini, PKIBM komited untuk terus memainkan peranan aktif dalam arus perdana pendidikan tinggi negara dengan menyediakan akses ke pendidikan tinggi kepada kelompok B40 khususnya yang tidak mendapat tempat di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA).

PKIBM juga berharap

# KONGSI PELUANG KE IPTS

**PKIBM, Mydin dan Iklanika anjur Karnival Pendidikan MyUni 2022**



PKIBM komited untuk terus memainkan peranan aktif dalam arus perdana pendidikan tinggi negara.



PASAR raya besar Mydin akan menjadi lokasi penganjuran kepada tujuh daripada 11 siri jelajah.

inisiatif ini dapat membantu lebih banyak IPTS Bumiputera khususnya yang bersaiz sederhana dan kecil menyertai karnival pendidikan sekali gus mempromosikan program pengajian yang ditawarkan sama ada di peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.

Mydin Mohamed Holdings Berhad, sebuah syarikat perniagaan runcit dan borong terbesar di Malaysia yang mempunyai jenama kukuh pula akan menyokong usaha murni PKIBM membantu lebih ramai lepasan sekolah khususnya dalam keluarga B40 yang tidak ditawarkan tempat

di IPTA, mendapat peluang pendidikan tinggi berkualiti.

Selain itu, Mydin Mohamed Holdings Berhad menyokong usaha membantu Kementerian Pengajian Tinggi meningkatkan akses lepasan sekolah ke pendidikan tinggi yang sejak dua tahun lalu, merosot berikutan pandemik Covid-19.

Menerusi usaha murni ini, Mydin Mohamed Holdings Berhad juga bersedia menjalinkan kerjasama bersesuaian dengan PKIBM untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan tinggi dalam kalangan masyarakat dan membantu mempromosi

peluang pendidikan yang ditawarkan 54 ahli persatuan yang terdiri daripada universiti, kolej universiti dan kolej kepada masyarakat.

Bagi Karnival Pendidikan MyUni 2022, pasar raya besar Mydin akan menjadi lokasi penganjuran kepada tujuh daripada 11 siri jelajah iaitu di Pulau Pinang, Perak, Melaka, Sarawak, Johor, Kelantan dan Lembah Klang.

Sebagai penganjuran bersama Karnival Pendidikan MyUni 2022, Iklanika Sdn Bhd pula komited menyediakan lokasi acara selesa serta kondusif kepada pempamer dan pengunjung selain memastikan keselamatan setiap lokasi acara mengikuti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Iklanika Sdn Bhd yang berpengalaman lebih sedekad dalam penganjuran karnival pendidikan juga akan bekerjasama dengan Mydin Mohamed Holdings Berhad secara eksklusif dengan menjadikan pasar raya besar sebagai lokasi penganjuran pada masa akan datang.

Untuk maklumat lanjut mengenai karnival ini, layari laman sesawang Karnival Pendidikan MyUni di [www.edufair.myuni.com.my](http://www.edufair.myuni.com.my) atau hubungi talian +6017 634638.

TAJUK: MAHASISWA PERSIAPKAN DIRI DENGAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 17

TARIKH : 20/05/2022

SINAR HARIAN • ISNIN 16 MEI 2022

## IPT

Oleh RASYYAH ZULKIFLI

**Smart  
Bestari**

# Mahasiswa persiapkan diri dengan kemahiran teknologi

Kaedah pengajaran secara konvensional tetap tidak diabaikan

**P**rofesi penguruan hari ini dilihat semakin mencabar seiring dengan peredaran zaman tetapi dalam masa yang sama, masih ramai pelajar memilih jurusan pendidikan sebagai program pilihan universiti kerana minat yang mendalam.

Bagi mahasiswa yang memilih jurusan ini, pastinya mereka sudah sedia maklum dengan pelbagai isu dan cabaran yang menanti sekali gus berusaha melakukan persiapan untuk memasuki alam kerjaya kelak.

Institut Pengajian Guru (IPG) Pahang, Faten Husna Nadirah Ahmad Ramli, 21,

Bila pun baru berada di Semester Empat Pendidikan, Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Faten Husna dilantik menjadi guru.

"Di era digital ini saya telah mempersiapkan diri dengan penggunaan WhatsApp dan Telegram.

"Sekarang kita dapat tengok ramai guru menggunakan aplikasi tersebut untuk berhubung dengan ibu bapa murid dan berkongsi bahan pengajaran bersama. Perkara ini sangat membantu saya di era zaman berteknologi hari ini."

"Selain WhatsApp dan Telegram, saya juga sudah teroka aplikasi dalam talian yang lain seperti Quizzes, Kahoot, Padlet dan Wordwall."



NUR FARHANA

Dalam pada itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Geografi, Semester Tujuh, Universiti Sultan Idris (USI), Muhammad Lutfi Lukman Fikri, 25, juga mempunyai persempenaan digital sebelum menjadi guru kelak. "Saya manfaatkan segala bahan yang ada untuk menjadi seorang yang kreatif dan cekik teknologi maklumat (IT)."

"Sepertimana kita tahu generasi sekarang lebih berpengertahanan dan berkemahiran dalam penggunaan IT berbanding zaman saya.

"Beigitu pun persempenaan untuk mengajar secara bersempena tidak pernah dilaburkan dan guru perlu selangkah lebih ke depan berbanding pelajar," sambungnya.

Mengulas lanjut, baginya kaedah pembelajaran secara konvensional masih penting walaupun sistem pendidikan sudah maju.

"Bagi saya walaupun hari ini zaman digital

dan teknologi, bila ada ilmu kita kena amalkan. "Contoh situasi dalam bidang saya yang kalaupun praktikkan secara digital ia kurang berkesan berbanding jika dilaksanakan secara bersempena," ujarnya.

Persempenaan yang sama turut dilakukan penuntut Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Multimedia), Semester Lapan, UPSI, Muhammad Ammar Lajis, 24.

Menurutnya, mengikuti perkembangan teknologi maklumat (IT) merupakan sesama di era digital adanya suatu kepentingan pada masa kini.

Tambah lagi, pengkhususan yang diambil Muhammad Ammar sememangnya terikat dengan teknologi negara.

"Bidang pendidikan multimedia menjadi pilihan kerana minat dan ketika di sekolah menengah saya merupakan pelajar aliran seni. Jadi hendak kembangkan bakat saya memilih pengkhususan yang berkaitan kesenian digital seperti multimedia," tuturnya.

Minatnya tersebut secara tidak langsung mendorongnya untuk terus cakna dengan perubahan semasa berkaitan hal pendidikan. Beritahuinya lagi, dia mengikuti perkembangan media sosial seperti Facebook dan Tik Tok sebagai persiapan pembelajaran ke arah digital.

Di samping itu, dia turut mengambil input positif melalui media sosial untuk diselitkan pada sesi PdP secara bersempena dalam kelas. Kesimpulannya, aspek pendigitalan dalam pendidikan merupakan persediaan penting yang perlu dilakukan mahasiswa penguruan hari ini.

Bagaimanapun, kaedah pengajaran secara konvensional masih perlu diutamakan kerana sekolah bersempena telah berlangsung sepuhnya tatkala negara beralih ke fasa endemik.



Saya manfaatkan segala bahan yang ada untuk menjadi seorang yang kreatif dan cekik teknologi maklumat (IT). Sepertimana kita tahu generasi sekarang lebih berpengertahanan dan berkemahiran dalam penggunaan IT berbanding zaman saya." - Muhammad Luffi



TAJUK: PELAJAR PASANG CAPAIAN INTERNET SEKOLAH LUAR BANDAR

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 28

TARIKH : 11/05/2022

## Pelajar pasang capaian internet sekolah luar bandar

SEKUMPULAN pelajar dan pensyarah dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalankan projek khidmat komuniti dengan melaksanakan kerja pemasangan penghala tanpa wayar berserta antena luaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Dang Anum, Merlimau Melaka, baru-baru ini.

Berteraskan sifat cakna dan prihatin mengaplikasikan ilmu dan kemahiran bagi tujuan memastikan anak bangsa di desa turut nikmati capaian internet bagi tujuan pembelajaran.

Projek khidmat komuniti itu diketuai Prof. Madya Dr. Imran Mohd. Ibrahim dan dibantu pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) UTeM.

Imran berkata,

penggunaan penghala wayarles ini merupakan pilihan yang terbaik kerana lebih menjimatkan perbelanjaan kepada pihak sekolah memandangkan mereka boleh menggunakan kad sim mana-mana syarikat telekomunikasi beserta pakej data yang dirasakan sesuai dengan keperluan pembelajaran.

"Peralatan ini juga mudah dialihkan ke tempat lain sekiranya pihak sekolah merasakan ada keperluan untuk memindahkan lokasi kelas berdasarkan kesesuaian dan penggunaan dari semasa ke semasa.

"Ia menjadi projek serampang dua mata kerana mereka bukan sahaja mencurahkan khidmat komuniti sebaliknya turut menjadi platform pendedahan awal kepada pelajar Sarjana Muda

Kejuruteraan Elektronik berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) wayarles yang semakin tinggi keperluannya pada masa kini," katanya.

Program susulan bersama pihak sekolah sedang dirancang seperti peluang kerjaya dalam bidang kejuruteraan termaju serta program inovasi teknologi bagi memupuk minat pelajar-pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

Program itu turut disertai Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Dang Anum, Norhafiz Haron.

Ada dua kawasan strategik terpilih untuk pemasangan penghala wayarles ini iaitu kelas pembelajaran pelajar kelainan upaya dan kelas mentelaah pelajar di asrama yang mana pihak sekolah menilainya sebagai keperluan yang mendesak.



SEBAHAGIAN daripada pelajar FKEKK UTeM mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang ada membuat kerja pemasangan penghala wayarles berserta antena luaran.

TAUK: PROJEK AGROVOLTAIC UPM CIPTA REKOD

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 13

TARIKH : 10/05/2022



Mohammad Effandy (kiri) bersama Dr Mohd Roslan (tengah) dan Ketua Setiausaha (sektor tenaga)

Agrivoltaic di Ladang Solar UPM.

(Foto Ammirudin Sahib/BH)

## Projek Agrivoltaic UPM cipta rekod

### The Malaysia Book of Records iktiraf tanaman herba terbesar

Oleh Awatif Hasani

bhnews@bh.com.my

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melakar rekod baru dalam The Malaysia Book of Records (MBR) menerusi sistem agrivoltaic herba terbesar untuk mekanisme penyejukan semula jadi.

Pengarah Projek Agrivoltaic, Dr Mohammad Effendy Ya'acob berkata projek Agrivoltaic UPM menempatkan 25,000 unit herba berpotensi tinggi Misai Kucing yang ditanam secara terus bawah teknologi Solar Photovoltaic

(PV) adalah teknologi paling pesat berkembang di dunia di bawah skop tenaga boleh diperbaharu. Beliau berkata, projek Agrivoltaic membantu industri tenaga solar untuk menyelenggaran dan membantu menyediakan tanah pertanian.

“Malaysia mengalami isu tanah, di mana banyak tanah ditukar taraf daripada tanah pertanian kepada tanah pembangunan dan jika dapat utiliti di ladang solar, ia akan membantu mengurangkan isu penggunaan tanah pembangunan yang banyak.

“Projek Agrivoltaic UPM bukanlah yang pertama di dunia tetapi ia terbesar di dunia yang boleh membantu industri solar dan industri pertanian,” katanya.

Dr Mohammad Effendy Ya'acob, MBR Agrivoltaic UPM Naib Canselor UPM, Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman mengucapkan syabas kepada Dr Mohammad Effendy selaku Pengarah Projek serta pihak pengurusan Fakulti

Kejuruteraan UPM kerana mempunyai komitmen yang amat baik dalam merealisasikan projek itu.

Katanya, penyelidikan itu memfokuskan kepada mengoptimalkan penggunaan ruang dan membantu menyeruk panel bagi meningkatkan keberkesanannya.

“Projek ini bakal memperkenalkan satu-satunya integrasi pertanian strategik dalam projek solar PV berskala besar. Ia selari dengan hala tuju kampus Hijau UPM dan memperkuatkannya ranking UI Green Metriks dalam kalangan universiti di seluruh dunia.

“Saya sarankan kepada penyelidik bukan hanya tumpukan pada tanaman herba Misai Kucing, malah turut menumpukan tanaman herba lain pada masa akan datang,” katanya.

MBR ialah sebuah badan yang mengiktiraf pencipta, pemegang dan pemecah rekod di dalam negara.

11 MEI 2022 RABU

MURAH SERTI 20

BERITA HARIAN

TAJUK: PERKASA UNIVERSITI SEBAGAI AGEN PERUBAHAN MASYARAKAT SETEMPAT

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 13

TARIKH : 10/05/2022

**MindaPembaca** 13

# Perkasa universiti sebagai agen perubahan masyarakat setempat

**Ahmad Thamrin Fadzlin Syed Mohamed, Kuala Lumpur**

**Soalannya** mudah, apakah fungsi universiti? Namun, jawapannya seperti tidak ada kata putus. Hal ini kerana fungsi universiti juga adalah untuk mengejar ranking. Makin kecil nombor, makin hebat dan gah universiti itu.

Bukanlah hal ini salah kerana kenyataannya, sistem pendidikan tinggi itu perlu kepada kualiti. Susulan itu maka wujud pelbagai kaedah bagi menentukan ciri kualiti yang diukur bagi memberi satu nilai nombor kualiti sebuah universiti, lalu terbentuklah susunan ranking seperti sekarang.

Jadi, adakah maksud universiti adalah mengejar dan cuba untuk memenuhi keperluan ciri-ciri kualiti yang digariskan itu? Perlu diperjelas, saya tidak mahu tersangkut dan tersekat mendefinisikan universiti sebagai sebuah entiti keilmuan melahirkan pekerja.

Komentar ini diberi berdasarkan kepada pengalaman saya berkhidmat selama 16 tahun di sebuah menara gading di negara ini. Pasti tempoh ini masih terlalu hijau jika hendak dibanding dengan barisan ilmuwan lain yang sudah berpuluhan-puluhan tahun berkhidmat.

Namun, buluh hijau ini pernah dan sedang melalui detik waktu di mana nafas agak sesak menuhi permintaan sasaran kerja tahunan yang menuntut kehebatan dari pelbagai aspek bertaraf dunia bagi membantu universiti untuk memenuhi ciri kualiti seperti ditetapkan.

Saya lebih suka berbincang berkenaan fungsi dan matlamat sebuah universiti dari sudut yang tidak popular dan sedikit sebanyak menongkah arus hala tuju pimpinan negara. Oleh itu, saya

“Sebuah universiti di Malaysia akan kekal kaku jika tiada daya yang mendorong mereka ke hadapan”

lebih suka melihat perbincangan ini berdasarkan sudut pandang Mike Hamlyn dari Staffordshire University yang menyatakan bahawa sebuah universiti adalah entiti untuk mengubah manusia melalui pendidikan dan penyelidikan yang dibuat.

Universiti melahirkan graduan setiap tahun, dan sudah pasti segulung kertas dalam genggaman itu akan dapat merubah sosioekonomi pelajar.

Selain itu, menerusi proses peningkatan prestasi sudah pasti menjurus kepada aktiviti penyelidikan yang mempunyai impak besar kepada pengkaji dan subjek kajian juga pastinya penyelidik. Sudah pastinya, bagi memenuhi cita rasa kualiti pada peringkat antarabangsa, kajian yang dijalankan mesti berdasarkan resipi mereka.

Dalam hal ini, mengapa kita tidak mengangkat cita rasa tempatan? Ideanya mudah, ‘kita jaga kita’ atau ‘kita buat untuk kita bukan orang lain’. Saya selalu menjengah ke laman web alma mater, Universiti Durham yang terletak di bandar kecil timur London. Keunikannya, ia mementingkan kesejahteraan setempat. Mereka secara jelas mempromosi aktiviti masyarakat setempat, termasuk perusahaan dan aktiviti ekonomi komuniti.

Selain memberi perhatian kepada tempat tarikan pelancongan, universiti ini juga aktif mempromosi diri mereka sebagai agen perubahan atau *game changer* dalam isu berkaitan perkauman, diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak, serta pelbagai lagi isu semasa yang menghantui masyarakat setempat.

Universiti boleh berperanan aktif misalnya membabitkan diri dengan masyarakat setempat atau sekolah berdekatan. Malah, universiti juga perlu harus bersifat lebih terbuka untuk memerangi keciran dalam masyarakat setempat, selain membantu meningkatkan pemahaman mengenai kesihatan, masalah sosial,jenayah tempatan, penjagaan warga tua dan pelbagai lagi. Menerusi peranan sebegini universiti akan lebih dekat di hati penduduk tempatan, selain turut menjadi agen ikon perubahan.

Sebuah universiti di Malaysia akan kekal kaku jika tiada daya yang mendorong mereka ke hadapan. Pensyarah pada zaman ini komited kepada azimat ‘P’ iaitu pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan, perundingan, penerbitan/penulisan, pengurusan, perkhidmatan kemasyarakatan, pembangunan pelajar, penyelaras makmal, penyelaras mata pelajaran dan penasihat akademik.

Semua itu adalah ‘resipi’ yang ditetapkan oleh badan kualiti yang memberi penarafan kualiti dunia. Saya tertanya jika ia datang daripada keperluan sebenar masyarakat setempat, bagaimana pula kesannya. Saya percaya, dengan tumpuan yang diberikan sudah pasti mampu membawa perubahan ke dalam masyarakat dengan keadaan lebih makmur, aman, tenteram, cekap dan berkesan.

TAJUK: UITM IKRAR PERANGI RASUAH

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 33

TARIKH : 09/05/2022

## UiTM ikrar perangi rasuah

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) menyahut seruan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Sesi lafaz ikrar di kampus induk di Shah Alam itu diketuai Pengurusi Lembaga Pengarah UiTM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Ibrahim Abu Shah bersama 26 warga Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi universiti berkenaan.

Ikrar itu disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPM, Datuk Seri Norazlan Mohd Razali.

Menurut Norazlan, majlis julung kali diadakan itu bertujuan memastikan amanah yang dijalankan penuh berintegriti dalam usaha memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPM, Datuk Razim Mohd Noor; Pengarah SPM Selangor, Datuk Alias Salim dan Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Dr. Roziah Mohd. Janor.



■ ROZIAH Mohd. Janor (kiri) dan Alias Salim (tengah) ketika melafazkan Ikrar Bebas Rasuah dalam satu majlis bersama SPM di UiTM Shah Alam, Selangor.

TAJUK: KES MACAU SCAM MAKIN BERLELUASA

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 14

TARIKH : 23/05/2022

# Kes Macau Scam makin berleluasa

156 kes dilaporkan di Selangor libatkan kerugian lebih RM19.8 juta

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Kes jenayah Macau Scam di Selangor mencatatkan peningkatan agak ketara melibatkan kerugian lebih RM19.8 juta dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, dari Januari hingga April tahun ini sahaja sebanyak 156 kes Macau Scam dilaporkan di negeri ini.

“Bagi saya, jumlah kes yang

berlaku ini merupakan perkara membimbangkan, bayangkan dalam tempoh empat bulan sahaja, nilai kerugian dicatatkan melibatkan belasan juta ringgit,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Universiti Teknologi Mara (UiTM) Zon Tengah di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC), UiTM di sini pada Ahad.

Jelas beliau, modus operandi yang digunakan sindiket Macau Scam adalah menimbulkan rasa panik terhadap mangsa.

“Berdasarkan kes-kes yang dicatatkan sebelum ini, mangsa akan ditakutkan oleh sindiket dengan menyamar sebagai pegawai polis dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

“Mereka menyatakan mangsa ada mempunyai tunggakan dari

ISNIN 23 MEI 2022 · SINAR HARIAN (M/S 14)



Arjunaidi (tengah) dalam sidang media selepas Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis UiTM Zon Tengah di Shah Alam pada Ahad.

segi cukai, saman dan sebagainya hingga mangsa terpedaya dan menuruti apa sahaja kehendak sindiket,” katanya.

Menurut Arjunaidi, mangsa Macau Scam ini terdiri daripada semua golongan di negara ini.

“Setakat ini, berdasarkan

siasatan dijalankan, tiada spesifikasi khusus mangsa yang terlibat, semua golongan ada menjadi mangsa, sama ada golongan atasan, sederhana atau kurang berkemampuan.

“Begini juga dari segi pekerjaan, ada juga mangsa yang

terlibat adalah kakitangan kerajaan, pesara, malah ada kes yang melibatkan golongan korporat dan mereka yang berjawatan tinggi,” katanya.

Tambah beliau, antara faktor utama menjadi penyebab seorang itu menjadi mangsa kepada Macau Scam adalah kesedaran.

“Kurangnya kesedaran berkaitan jenayah melibatkan Macau Scam ini antara faktor mangsa terperangkap dan jangan sewenang-wenangnya menyerahkan data peribadi kepada mereka yang tidak dikenali.

“Paling penting saya nak ingatkan bahawa pegawai polis dan LHDN tidak bertugas dalam satu pejabat, ada kes yang mana panggilan dengan mudah dipindahkan kepada pegawai polis, ini sesuatu yang tidak berlaku sebenarnya, jadi dalam soal ini masyarakat kena lebih peka dan jangan mudah terperdaya,” tegas beliau.

TAJUK: AGAMA DAN INSTITUSI BERAJA

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 18

TARIKH : 21/05/2022

# Agama dan institusi beraja



NUKILAN  
MINDA

MUJIBU ABD MUIS

W acana tentang institusi beraja lazimnya terkait dengan unsur agama. Sejak awal kewujudan institusi beraja, agama dilihat bukan sahaja menjadi sumber keabsahan institusi tersebut, malah turut membentuk satu doktrin politik-agama dalam pengukuhan kuasa dan pemerintahan.

Penggabungan unsur agama dan institusi beraja membentuk adunan identiti dan sejarah yang secara perlahan mencorak kewibawaan. Ia kemudian diperkuuhkan dengan unsur-unsur ritual, simbolisme dan mistik yang meningkatkan hubungan ‘romantis’ antara raja dan rakyat.

Dianggap sebagai sistem pemerintahan tertua di dunia, sejarah menyaksikan bagaimana agama dan institusi beraja berangkai dalam aspek itu.

Lihat bagaimana konsep kuasa raja yang dikaitkan dengan hak ketuhanan (*divine right*) bukan sahaja memberikan kuasa mutlak kepada raja, malah menuntut ketataan sepenuhnya yang dikekalkan menerusi hak memerintah dengan hak yang diberikan Tuhan.

Namun begitu, wujud perbezaan aliran dan pengaruh agama dalam konsepsi tersebut. Misalnya, konsep hak ketuhanan tumbuh subur dalam institusi beraja di negara-negara Eropah abad pertengahan (*Middle Ages*). Kuasa mutlak dan keterpusatan pemerintahan raja dengan perkembangan Kristianisasi memperkuuhkan sistem feudal.

Untuk seketika, sistem itu berjalan seperti biasa sehingga konsep hak ketuhanan itu dicabar ketika zaman pencahayaan (*Enlightenment*), sekali gus menukar pemerintahan monarki mutlak kepada monarki terhad ataupun republik.

Ia berbeza dengan apa yang berlaku dalam konteks dinasti di China. Walaupun unsur agama memainkan peranan serupa dalam institusi beraja, ia berbeza secara falsafah.

Secara perbandingan, unsur agama dalam hal ini berbeza falsafahnya kerana ‘mandat dari syurga’ (*Tian-syurga*) yang diterima raja tidak membawa konsep memerintah secara mutlak seperti mananya konsep hak ketuhanan di Barat.

Mandat syurga hanyalah bersifat mengelakkan mandat yang bergantung kepada kebolehan dan kemampuan seorang raja serta warisnya dalam memerintah.

Lebih menarik, konsep dan falsafah tersebut turut dikaitkan dengan kitaran dinasti – pengakhiran mandat pemerintahan raja menerusi petunjuk dari syurga – bencana alam, pemberontakan atau perang saudara.

Jelas, walaupun konsep dan falsafahnya berbeza, unsur agama tetap berperanan penting dalam menentukan jatiuh bangun institusi beraja.

Mungkin kedua-dua contoh tersebut sedikit klasik dan konvensional. Jadi, percontohan agama dan institusi beraja kontemporari boleh dilihat dari perspektif negara Thailand atau Malaysia.

Dua negara ini berjaya mengelakkan institusi berajanya yang berevolusi daripada monarki mutlak kepada monarki terhad. Didapati, kelangsungan tersebut dibantu oleh elemen agama.

Agama Buddha (Thailand) dan Islam (Malaysia) menjadi tonggak kepada hal tersebut. Peranan agama bukan sahaja menjadi amalan dalam kehidupan, malah membentuk identiti dan sejarah masyarakat.

Agama dan institusi beraja berjalan seiring dalam mencorak kehidupan yang seterusnya berkembang menjadi sebuah identiti kolektif dan identifikasi kebangsaan.

Walaupun serupa seperti di negara-negara lain, apabila pengukuhan menerusi unsur-unsur ritual, simbolisme atau mistik turut berlaku, peranan agama dalam institusi beraja di negara-negara berkenaan dilihat melangkaui daripada hal tersebut.

Terdapat tiga peranan agama yang dilihat mengukuhkan institusi beraja dan menjadikannya lebih kukuh serta dihormati melangkaui hubungan romantis

raja-rakyat semata-mata.

Pertama, peranan agama lebih membentuk tata kelakuan bersifat moral dan adab ketertiban berbanding tata kelakuan yang bersifat perundangan (*legal*).

Kedua, pendekatannya bersifat spiritual berbanding politik. Terakhir, peranan agama dalam institusi beraja lebih bersifat kesedaran (*consciousness*) dengan menjadikan raja sebagai elemen penyatu (*common link*), baik secara undang-undang ataupun moral kepada seluruh institusi bernegera dan masyarakatnya.

Ketiga-tiga aspek itu dilihat menjadikan agama lebih ampuh dalam mengukuhkan institusi beraja dan peranannya dalam negara dan masyarakat.

Ia sekali gus menjadikan peranan agama dan institusi beraja jauh melangkaui pandangan umum bahawa ia sekadar sebuah simbol yang hanya melibatkan urusan-urusan agama bersifat ritual sahaja.

Namun, apa juga peranan agama dalam mengukuhkan peranan institusi beraja sama ada secara perundangan mahupun moral, kemampuan, budi pekerti dan kasih sayang institusi beraja itulah yang sebenarnya lebih kuat serta mengukuhkan kewibawaan dan rasa hormat masyarakat terhadapnya.

\* Mujibu Abd Muis ialah Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) Universiti Teknologi MARA (UiTM)